قليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"TETAPI kamu mengutamakan kehidupan dunia.
Sedangkan (kehidupan) akhirat adalah lebih baik dan lebih kekal".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'laa, ayat 16-17.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.36 | SUBUH 4.46 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.29 | ZUHUR 12.05 | ASAR 3.26 | MAGHRIB 6.02 | ISYAK 7.13
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit


TAHUN 69 BILANGAN 134 | 6 NOVEMBER 2024 / 1446 4 جمادي الأول | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA


# KUKUHKAN STATUS BANGUNAN SEBAGAI DESTINASI PERNIAGAAN UTAMA

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**

**TUNGKU LINK**, Isnin, 4 November. - Transformasi bekas Bangunan Ibu Pejabat DST kepada Mutiara Exchange bukan sekadar menaik taraf struktur fizikal malah ia merangkumi komitmen kita sebagai sebuah negara untuk menerima teknologi.

Penambahbaikan itu termasuk menaik taraf lengkap bahagian hadapan kaca luaran, pengubahsuaian di kawasan umum dan memperbaharui bilik persidangan serta mesyuarat yang boleh memuatkan lebih 800 orang. Ini adalah bagi memastikan bangunan itu mengekalkan piawaian Gred-A yang unik sambil meletakkan dirinya sebagai peneraju dalam industri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berucap demikian pada Majlis Pelancaran Penjenamaan Semula Bekas Bangunan Ibu Pejabat DST yang berlangsung di Dewan Mutiara, hari ini.

**>> Muka 5**




**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa bergambar ramai pada Majlis Pelancaran Penjenamaan Semula Bekas Bangunan Ibu Pejabat DST yang berlangsung di Dewan Mutiara.**

# Pendekatan inovatif, teknologi memperkasa perkhidmatan agama

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**JERUDONG**, Selasa, 5 November. - Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOM) Kali Ke-48 bagi MABIMS Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi telah diadakan di Indera Samudra, The Empire Brunei, hari ini.

Mempengerusikan mesyuarat ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim selaku Ketua SOM Negara Brunei Darussalam (NBD).

Turut hadir pada mesyuarat tersebut ialah Sekretaris Jenderal, Kementerian Agama Republik Indonesia, Yang Terhormat Profesor Dr. Muhammad Ali Ramdhani selaku Ketua SOM Republik Indonesia; Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Yang Berusaha Dr. Mohamad Kori bin Jusoh selaku wakil Ketua SOM Malaysia dan Ketua Delegasi berserta delegasi dari Malaysia; dan Ketua Eksekutif Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), Yang Berbahagia Tuan Kadir Maideen selaku Ketua SOM Republik Singapura berserta delegasi dari Republik Singapura.

**>> Muka 8**

# 3 tokoh ASTERAWANI diraikan

**Siaran Akhbar : Angkatan Sasterawan dan Sasterawani Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 4 November. - Angkatan Sasterawan dan Sasterawani Brunei (ASTERAWANI) mengadakan Majlis Penghargaan ASTERAWANI kepada tiga tokoh yang baru-baru ini menerima anugerah, iaitu Badaruddin H.O. (Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman) yang menerima Anugerah Sastera Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera); Mahmudamit (Pengiran Haji Mahmud bin Pengiran Damit) yang menerima Anugerah Guru Berjasa; dan Brahim AHT / Rahimi A.B. (Profesor Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah) yang menerima Anugerah Buku Negara Malaysia 2024 : Tokoh Cendekiawan Sepanjang Zaman.

Ketiga-tiga tokoh berkenaan bergiat dalam bidang sastera, bahasa, budaya dan penulisan sejak mereka muda lagi dalam tahun-tahun 60-an sehingga sekarang dan telah menghasilkan beberapa buah buku bercorak akademik, sejarah, budaya, bahasa, sastera dan kritikan.

**>> Muka 3**

# Kontinjen Operasi BADAI TADUH selamat kembali ke tanah air

**Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya**

**RIMBA,** Selasa, 5 November. - Seramai 37 anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah selamat kembali ke tanah air setelah selesai melaksanakan Operasi BADAI TADUH bagi Misi Bantuan Kemanusiaan dan Bencana (HADR) di Republik Filipina susulan daripada Ribut Tropika Kristine (Trami) yang bermula pada 27 Oktober hingga 5 November 2024.

Hadir bagi mengalu-alukan kepulangan anggota ABDB di Pangkalan Tentera Udara, Rimba, ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

**>> Muka 3**


IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei


## Berita Utama



JPMC lancarkan Van Derma Darah
Muka 4



PLATFORM kongsi pengetahuan sains tumbuhan, tamadun Islam
Muka 7



INCUFEST 2024 : Peluang menonjolkan kreativiti pelajar inkubasi UBD
Muka 12




RENCANA
TAMU Selera berpotensi sebagai destinasi pelancongan negara
Muka 22

فليتا بروني
PELITA BRUNEI

# Farmasi bahagian penting dalam infrastruktur penjagaan kesihatan

**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Alhamdulillah Rabbil 'Alamin,**
**Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Ambiya Iwal Mursaleen, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.**
**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Pagi**

**HARI** ini, kita berkumpul untuk meraikan Hari Farmasi Sedunia dan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan yang sewajarnya kepada profesion yang sering diabaikan, namun memainkan peranan penting dalam sistem penjagaan kesihatan. Pada Hari Farmasi Sedunia, kita mengiktiraf dedikasi semua ahli farmasi dan profesional farmasi terhadap sistem penjagaan kesihatan, melindungi kesihatan dan kesejahteraan.

Tema tahun ini, 'Memenuhi Keperluan Kesihatan Global' menonjolkan sumbangan farmasi yang tidak ternilai dalam membolehkan akses kepada perkhidmatan kesihatan penting yang berkualiti, memastikan penggunaan ubat yang selamat dan berkesan, mengoptimumkan hasil rawatan dan menggalakkan celik kesihatan dalam masyarakat. Ia merupakan bahagian penting dalam infrastruktur penjagaan kesihatan, menyumbang kepada peningkatan keberkesanan dan kecekapan penyampaian penjagaan kesihatan.

Farmasi lazimnya merupakan sumber maklumat yang dipercayai oleh pesakit, menjawab soalan tentang ubat-ubatan dan membimbing pesakit tentang cara mengurus ubat mereka, peranti perubatan dan kesihatan mereka. Kepakaran ahli farmasi dalam dos ubat, nasihat tentang pemilihan produk, pencairan ubat juga dihargai oleh doktor dan jururawat, bekerjasama untuk memberikan penjagaan yang terbaik kepada pesakit.

Beberapa tahun kebelakangan ini telah memberikan cabaran yang unik, terutamanya semasa pandemik COVID-19, perkhidmatan Farmasi JPMC kekal dapat diakses oleh masyarakat, kepada pesakit klinik dan pesakit wad JPMC, Gleneagles JPMC, BNSRC, TBCC dan MFPRSC, 24 jam sehari, tujuh hari seminggu. Tiada pilihan bekerja dari rumah untuk farmasi. Fleksibiliti, daya tahan dan dedikasi mereka tidak disedari. Semasa mengemudi *business continuity plan* di tengah-tengah bekerja sepenuhnya, terdapat juga cabaran dalam mendapatkan ubat-ubatan penting, vaksin dan pembersih tangan, di mana pengurusan stok berhemat, penambahan dan pengedaran perlu dilaksanakan dengan bijak. Mereka telah menunjukkan bahawa farmasi adalah satu profesion yang dinamik, mampu berkembang untuk memenuhi keperluan masyarakat dalam kemudahan hospital di sini. Kesediaan untuk menerima perubahan dan mencari penyelesaian yang inovatif sememangnya patut dipuji.

Salah satu aspek farmasi yang paling ketara ialah semangat kerjasama dalam pasukan. Ahli farmasi dan *dispenser* farmasi mengamalkan kerjasama profesional dengan doktor, jururawat dan profesional penjagaan kesihatan lain untuk meningkatkan kualiti penjagaan, menangani isu kompleks seperti pengawasan keselamatan ubat, penggunaan antimikrobial yang sesuai, pembaziran ubat dan rekod ubat elektronik. Sepanjang setahun yang lalu, JPMC telah menyepadukan preskripsi elektronik untuk rawatan pesakit dalam dan luar. Ini tidak dapat dicapai tanpa kerjasama antara preskripsi, jururawat, kakitangan ICT dan farmasi. Hari ini, farmasi meneruskan usaha kerjasama dengan Gleneagles JPMC, BNSRC, MFPRSC, TBCC dan kemudahan Kementerian Kesihatan dalam menggalakkan integrasi Computerised Physician Order Entry System, menyampaikan operasi yang lebih kemas, penjagaan pesakit yang dipertingkatkan dan kecekapan yang lebih baik dalam kesinambungan penjagaan.

Farmasi bekerjasama dengan Pasukan Pengurusan dan Penggunaan Ubat (MMU) untuk memastikan sebaik sahaja ubat diperoleh ke hospital, sehingga ke tahap ia diberikan kepada pesakit, mereka memenuhi piawaian Akreditasi Suruhanjaya Bersama Antarabangsa (JCI). Farmasi bekerjasama dengan pasukan kualiti untuk memastikan di mana sahaja ubat disimpan di kemudahan hospital, amalan penyimpanan mematuhi piawaian akreditasi. Sudah jelas bahawa, peranan dan tanggungjawab farmasi tidak terhad hanya di dalam lokasi farmasi. Kepakaran ahli farmasi diperlukan dalam kebanyakan bidang klinikal apabila standard penjagaan meningkat.



**MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berucap semasa merasmikan World Pharmacy Day 2024 yang diadakan di Lobi Utama, Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC), pada Jumaat, 18 Oktober 2024.**

**Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Haji Mirazman Haji Othman**

**>> Muka 5**

## WAKTU SEMBAHYANG

| NOVEMBER MASIHI | HARI | JAMADILAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 6 | RABU | 4 | 4.36 | 4.46 | 6.06 | 6.29 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.13 |
| 7 | KHAMIS | 5 | 4.36 | 4.46 | 6.06 | 6.29 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.13 |
| 8 | JUMAAT | 6 | 4.36 | 4.46 | 6.06 | 6.30 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.13 |
| 9 | SABTU | 7 | 4.36 | 4.46 | 6.07 | 6.30 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.13 |
| 10 | AHAD | 8 | 4.36 | 4.46 | 6.07 | 6.30 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.14 |
| 11 | ISNIN | 9 | 4.36 | 4.46 | 6.07 | 6.30 | 12.05 | 3.27 | 6.02 | 7.14 |
| 12 | SELASA | 10 | 4.37 | 4.47 | 6.07 | 6.31 | 12.05 | 3.27 | 6.02 | 7.14 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 30 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Bangar | 31 25 °C | 33 25 °C | 33 25 °C |
| Pekan Tutong | 31 25 °C | 33 25 °C | 33 25 °C |
| Kuala Belait | 31 25 °C | 33 25 °C | 32 25 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

6 NOVEMBER 2024

### Tingkatkan kesedaran tangani diabetes

**PADA** tahun ini, tema Sambutan Hari Diabetes Sedunia ialah 'Diabetes dan Kesejahteraan Semua', menekankan pentingnya penjagaan secara holistik meliputi kesihatan mental, aktiviti fizikal, pemakanan dan sokongan sosial.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), diabetes adalah penyebab kematian yang keempat tertinggi selepas kanser, penyakit jantung dan penyakit Cerebrovascular.

Sementara itu, menurut Kaji Selidik Kebangsaan Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit 2015-2016, prevalens diabetis dalam kalangan orang dewasa di NBD ialah 9.7 peratus. Penyakit diabetes terutama sekali Diabetes Jenis 2 boleh dicegah.

Diabetes Jenis 2 adalah jenis penyakit diabetes metabolik yang berpunca daripada tahap gula dalam darah yang tinggi atau juga disebut sebagai hiperglisemia. Penyakit ini juga biasanya dianggap sebagai penyakit yang berkaitan dengan gaya hidup yang kurang sihat termasuk pemakanan yang tidak seimbang, cara hidup yang *sedentary* atau tidak aktif dan berat badan yang berlebihan, iaitu *overweight* atau obes.

Perkara ini antara yang dikongsikan oleh Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif semasa menyampaikan ucapannya pada Majlis Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2024 baru-baru ini.

Beliau turut mengongsikan bahawa diabetes juga boleh memberi impak yang signifikan terhadap kesihatan mental, kerana menangani penyakit kronik seperti diabetes boleh menyebabkan tekanan atau kekecewaan.

Hal ini kerana kebimbangan untuk mengalami komplikasi boleh menimbulkan rasa gelisah atau putus harapan dan keadaan stres berkenaan boleh mempengaruhi tahap gula di dalam darah dan menjadikan pengawalan diabetes menjadi sukar. Mengurus stres melalui teknik relaksasi, aktiviti fizikal, dan sistem sokongan adalah amat penting dalam pengawalan diabetes.

Jelas beliau lagi, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan beberapa tindakan pencegahan bagi obesiti dan diabetes termasuk Kod Pemasaran Makanan dan Minuman Yang Berhemah Kepada Kanak-kanak bagi melindungi kanak-kanak daripada kesan pengiklanan makanan dan minuman yang tidak berkhasiat dan cukai ke atas minuman yang mengandungi gula (Sugar-Sweetened Beverages Tax).

Beberapa langkah untuk mewujudkan persekitaran pemakanan yang lebih sihat termasuk inisiatif Logo Pilihan Sihat bagi membantu pengguna untuk membuat pilihan makanan yang lebih sihat. Manakala Program BN on The Move adalah salah satu inisiatif untuk mempromosi dan menggalakkan masyarakat untuk sentiasa aktif melakukan kegiatan fizikal.

Di samping itu, antara langkah berterusan meningkatkan kesedaran mengenai diabetes ialah melalui pendidikan di mana Kementerian Kesihatan telah melaksanakan Kempen Kesedaran Diabetes di beberapa buah sekolah menengah dengan pegawai perubatan dan jururawat dari Unit Endokrindan juga Unit Pediatrik, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dengan memberi taklimat kepada para pelajar Tahun 7 tentang penyakit diabetes, gejala-gejalanya dan juga pencegahannya.

Sehubungan itu, setiap individu memainkan peranan penting bagi sama-sama mencegah dan menangani diabetes di negara ini. Dengan meningkatkan kesedaran mengenai diabetes, mengamalkan gaya hidup lebih sihat, memperkukuh sistem penjagaan kesihatan, sudah pasti negara akan mencapai perubahan yang dihasratkan bagi kesejahteraan semua di NBD. **- Ketua Penyuntingan (Rd)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن فنراڠن، جابتن فردان منتري دان دچيتق اوله فرينت فلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# 3 TOKOH ASTERAWANI DIRAIKAN





**MAJLIS Penghargaan ASTERAWANI kepada tiga tokoh yang baru-baru ini menerima anugerah, iaitu Badaruddin H.O. (Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama) yang menerima Anugerah Sastera Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera); Mahmudamit (Pengiran Haji Mahmud bin Pengiran Damit) yang menerima Anugerah Guru Berjasa; dan Brahim AHT/Rahimi A.B. (Profesor Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah) yang menerima Anugerah Buku Negara Malaysia 2024 : Tokoh Cendekiawan Sepanjang Zaman (kiri dan kanan).**

**>> Muka 1**

Antara ulasan yang diberikan kepada Badaruddin H.O. ialah Yang Berhormat cenderung ke arah perkembangan puisi dakwah. Beberapa puisinya pernah diulas dalam Jurnal Pengajian Melayu 2018 seperti Meski RumahMu Di Akhirat; Istighfar Rejab; Ini Zat Bukan Bayangku; Episod-episod Tsunami; Takdir Itu Begini; Di Malam Kudus Ramadan dan Tongkat Putih. Banyak lagi puisinya boleh diikuti dalam siri Puisi Hidayat dan juga buku Episod-episod Sii Awang.

Sementara itu, puisi-puisi terkini Mahmudamit dapat dibaca dalam Antologi Semarak Sastera dan Tarian Naga Di Puncak Menara. Selain puisi, Mahmudamit juga turut berkecimpung dalam penulisan cerpen. Penghuni Piasau Tunjung adalah tajuk cerpennya yang memenangi hadiah pertama, anjuran ASTERAWANI pada 1964. Beliau juga pernah memenangi tiga kali Hadiah Kreatif Bahana dalam bidang puisi.

Menghasilkan tiga buah buku berkaitan pendidikan bahasa, antaranya Aspek Kemahiran Lisan (Syarikat Mega, 2003). Sebelum bersara wajib pada Mei 1997 dari Perkhidmatan Awam, beliau adalah Pensyarah di Universiti Brunei Darussalam (UBD) (1988 hingga 1997).

Manakala, Profesor Dr. Ampuan Haji Brahim pula pernah bertugas dalam banyak kapasiti seperti Pensyarah (1992), Pensyarah Kanan (2000), Profesor Madya (2008) dan Profesor (2021) di UBD.

Dalam bidang pentadbiran UBD, beliau pernah menjawat jawatan Timbalan Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS, 2000), Dekan Pelajar (2001-2005), Dekan FASS (2005-2008), Pengarah Akademi Pengajian Brunei (2012-2016), Pengarah Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddien, UBD (2019-2020) dan memangku jawatan Ketua Jabatan Kesusasteraan Melayu, Dekan Lepasan Ijazah dan Penyelidikan dan Penolong Naib Canselor.

**Siaran Akhbar dan Foto : Angkatan Sasterawan dan Sasterawani Brunei**

Antara penerbitan buku beliau ialah Hikayat Awang Kamaruddin; Analisis dan Contoh Soalan Peperiksaan Bersama Jawapan (DBP, Brunei - 2004); sebuah monograf bertajuk 'Sastera Brunei Sebagai Entiti Sastera Nusantara' (DBP, Kuala Lumpur - 2000) dan Hikayat Merong Mahawangsa : Karya Agung Dalam Sejarah Kesultanan Kedah (DBP, Kuala Lumpur - 2022).

Begitu juga penerbitan bersama, antaranya ialah Panorama Sastera Nusantara (Balai Pustaka Jakarta - 1997); Melayu Islam Beraja; The Malay Islamic Monarchy in Negara Brunei Darussalam Prior to 1906 : A Historical Study (UNISSA - 2021) dan An Overview of Brunei Literature : History, Historiography and Critical Approaches dalam Routledge Handbook of Contemporary Brunei (Routledge - 2023).

Majlis Penghargaan ASTERAWANI berlangsung di Kafe Al-Afiah, Kiulap pada 3 November 2024.

# Kontinjen Operasi BADAI TADUH selamat kembali ke tanah air



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir bagi mengalu-alukan kepulangan anggota ABDB di Pangkalan Tentera Udara, Rimba (kiri), manakala gambar kanan, antara ahli keluarga anggota ABDB yang turut hadir bagi mengalu-alukan kepulangan.**




**>> Muka 1**

Turut hadir, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Ahli-ahli Komiti Eksekutif Pertahanan; Ahli-ahli Komiti Eksekutif ABDB, wakil dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kuasa Usaha Kedutaan Besar Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Atase Pertahanan, Angkatan Tentera Republik Filipina, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pertahanan dan ahli-ahli keluarga anggota ABDB yang menyertai Operasi BADAI TADUH.

ABDB telah menghantar dua pasukan yang terdiri daripada 37 anggota menggunakan tiga pesawat Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) iaitu sebuah Pesawat Angkut C295MW dan dua Helikopter Blackhawk S70i untuk melaksanakan Bantuan Logistik Udara ke kawasan pedalaman yang sukar diakses.

Sepanjang misi tersebut, pasukan pertama di Manila melaksanakan penerbangan menggunakan Pesawat Angkut C295MW dari Pangkalan Udara Col Jesus Villamor ke Lapangan Terbang Antarabangsa Bicol untuk membawa kain-kain terpal, sementara pasukan kedua yang ditempatkan di Lapangan Terbang Lama Legazpi menghantar bekalan makanan ke kawasan terpencil menggunakan Helikopter Blackhawk S70i.

Sebagai penghargaan atas sokongan Negara Brunei Darussalam kepada Misi Bantuan Kemanusiaan dan Bencana bagi Taufan Kristine (Trami), Kontinjen Negara Brunei Darussalam telah diberikan penghormatan dengan penganugerahan pingat dan Reben Kepujian Ketua Turus AFP disampaikan oleh Panglima Tentera Udara Filipina, Leftenan Jeneral Stephen P. Parreño TUF di sebuah Majlis Pengiktirafan dan Penganugerahan Pingat.

**Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**

Misi Operasi BADAI TADUH mencerminkan komitmen Kementerian Pertahanan dalam menyumbang kepada operasi bantuan kemanusiaan dan bencana alam di rantau ini, di samping mengiktiraf ASEAN Agreement on Disaster Management and Emergency Response (AADMER) dengan menyumbangkan aset dan kapasiti ketenteraan dalam menangani bencana alam.

PELITA BRUNEI

# JPMC LANCARKAN VAN DERMA DARAH





**MAJLIS Pelancaran Van Derma Darah yang baharu di JPMC disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan (atas dan kanan).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Perubatan Jerudong Park**

**JERUDONG**, Selasa, 5 November. - Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) hari ini merasmikan dan melancarkan Van Derma Darah yang baharu.

Majlis pelancaran yang diadakan di JPMC itu disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Pengarah Eksekutif JPMC.

Pencapaian ini mencerminkan dedikasi JPMC untuk menjadikan derma darah lebih mudah diakses dengan menjangkau penderma, di pelbagai lokasi untuk seluruh masyarakat.

Majlis dihadiri oleh pihak pengurusan kanan, ketua jabatan dan kakitangan itu dimulakan dengan bacaan doa yang diketuai oleh Pegawai Ugama, Awang Ishkandar Haji Buntar, diikuti dengan Upacara Adat Merenjis yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham.

Van Derma Darah direka secara eksklusif untuk memudahkan pemanduan derma darah untuk membawa kakitangan JPMC dan peralatan penting pengumpulan darah ke pelbagai lokasi.

Mobiliti yang dipertingkatkan ini mempermudahkan JPMC menjalankan kempen derma dengan lebih lancar dan kerap, sekali gus memastikan bekalan darah yang boleh dipercayai dan mencukupi untuk pesakit yang memerlukan pemindahan.

Para hadirin diberi peluang untuk meninjau van yang serba lengkap untuk menjalankan pemanduan darah yang selamat dan cekap.

Penjenamaan van yang berbeza mencerminkan komitmen JPMC untuk menyampaikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang cemerlang dan meluaskan jangkauannya dalam masyarakat.

Pelancaran Van Derma Darah baharu sejajar dengan usaha berterusan JPMC untuk menangani keperluan penjagaan kesihatan yang kritikal di Negara Brunei Darussalam.

Dengan menambah baik akses kepada perkhidmatan derma darah, JPMC meningkatkan komitmennya untuk memberikan penjagaan berkualiti tinggi, penuh belas kasihan, sambil memastikan bekalan darah yang konsisten dan boleh dipercayai untuk pesakit yang memerlukan.

# Memperkasa usaha memajukan industri pertanian, perikanan negara




**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa melancarkan Logo Brunei Pesticide Free sempena Sambutan HPPPN Ke-14.**

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji said**

**SUNGAI TILONG**, Selasa, 5 November. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bersama Jabatan Perikanan malam tadi mengadakan Majlis Penyampaian Penghargaan Hari Peladang, Petani, Peternak dan Nelayan (HPPPN) Kali Ke-14 bagi Tahun 2024 bertempat di Damai Ballroom, Aman Hills.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Penghargaan HPPPN tersebut ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Acara penyampaian penghargaan ini adalah bagi mengenang jasa dan usaha serta sumbangan yang telah diberikan oleh para peladang, petani, penternak dan nelayan dalam menjana pembangunan ekonomi negara amnya dan khususnya dalam Sektor Pertanian dan Perikanan.

Acara didahului dengan ucapan alu-aluan daripada Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab dan seterusnya Pelancaran Logo Brunei Pesticide Free sempena Sambutan HPPPN pada tahun ini yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Program Brunei Pesticide Free (BPF) adalah salah satu inisiatif KSSUP melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan yang bertujuan untuk mendukung dan memperkasa lagi usaha ke arah meningkatkan keselamatan makanan (*food safety*) melalui penghasilan tanaman bebas racun dari ladang tempatan.

Selepas itu diteruskan dengan pengumuman video penghargaan dan kemudian diikuti dengan penyampaian sijil dan trofi yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Sebanyak 22 penghargaan diberikan pada tahun ini antaranya empat penghargaan bagi Sektor Industri Ternakan bagi Kategori Keluaran Tertinggi Sektor Industri Ternakan; Sumber Peningkatan Keluaran Sektor Industri Ternakan; SME Ternakan Progresif dan Belia Ternakan - Bekarih, Bejarih, Belurih.

Sementara empat penghargaan lagi adalah bagi penghargaan dalam Sektor Industri Tanaman bagi Kategori Peladang Tanaman Wanita Berjaya; Komunal Pertanian Terhebat; Rintis Teknologi Pertanian dan Peladang Contoh dan Berdedikasi.

Seterusnya, empat penghargaan diberikan bagi Sektor Industri Padi dalam Kategori Perdana Padi; Jaya Padi; Progresif Padi dan Kencana Padi.

Manakala tiga penghargaan pula disampaikan bagi Sektor Industri Agrimakanan dalam Kategori Pengeluar SME Tertinggi Sektor Agrimakanan; SME Agrimakanan Progresif, Berdaya Maju dan Penyumbang kepada Peningkatan dan Belia Agrimakanan Aktif dan Progresif.

Sementara itu, tujuh lagi penghargaan bagi Sektor Industri Perikanan untuk Kategori Pengeluar Ternakan Ikan Dalam Sangkar Berdayatahan; Pengeluar Ternakan Ikan Air Tawar Progresif; Pengeluar Penetasan Ikan Berdaya Maju; Nelayan Penuh Masa Aktif dan Progresif; Pengeluar Pemprosesan Terbaik; SME Produk Makanan Laut Progresif dan Pengeluar Ternakan Udang Laut Berdayatahan.

Tetamu kehormat seterusnya menyampaikan penghargaan khas yang juga diberikan kepada persatuan dan syarikat yang berjasa dan berbakti di dalam memberikan dukungan dan sokongan ke arah perkembangan dan pertumbuhan industri pertanian dan perikanan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sebanyak 11 penghargaan khas diberikan pada tahun ini antaranya Persatuan Peladang-Peladang Brunei (PPPB) kepada Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin selaku Presiden PPPB; Hua Ho Department Store (Symb Bonus), Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Lau How Teck; Hua Ho Department Store (H2), Lau Haw Wei; Yuan Long Ping High-Tech Agriculture Co., Ltd, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo (wakil penerima); PT. Biogene Plantation, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke NBD, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Achmad Ubaedillah (wakil penerima); AE Asia Fruit Plantations, Chai Yum Fatt; Perusahaan Zaias, Awang Mohamad Ajrul Asmaan bin Haji Asmali (wakil penerima); Perusahaan Haji Mohd Salleh Haji Ludin dan Anak-Anak, Awang Muhammad Humaizi bin Haji Mohd. Salleh; BMC Food Industries (B) Sdn. Bhd., Tan Too Liang; Ideal Group Holdings Sdn. Bhd., Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman dan Poni Divers, Mohd. Tahsin Wong Abdullah @ Wong Thye Sing.

Sambutan HPPPN Kali Ke-14 ini juga diadakan bagi memberikan pengiktirafan ke atas usaha-usaha dan sumbangan para peladang, petani, penternak dan nelayan dalam menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara dan sebagai penjana makanan negara.

Tema sambutan pada tahun ini memberi tumpuan kepada meningkatkan pengeluaran tempatan melalui produk tambah nilai iaitu 'Memperkasa Produk Tambah Nilai, Pemacu Ekonomi Negara'.

Ini adalah bagi menghayati tema berkenaan dalam mengambil kira keperluan makanan negara adalah terjamin dengan adanya usaha-usaha pengeluaran makanan tempatan.

Pada Majlis HPPPN Kali Ke-14 juga diselajurkan dengan penyampaian Sijil Brunei Good Aquaculture Practice (BGAqP).

Sijil BGAqP diberikan kepada tiga pengusaha-pengusaha industri akuakultur yang telah diaudit oleh Jawatankuasa Pensijilan BGAqP dan didapati memenuhi kriteria pensijilan tersebut.

Acara sampingan HPPPN tahun ini telah berlangsung di Pasar Kitani bermula pada 2 hingga 4 November 2024 dengan jualan-jualan produk pertanian, perikanan dan agrimakanan oleh para peladang, petani, penternak dan nelayan serta pengusaha agrimakanan dari keempat-empat daerah.

Selain itu, beberapa program dan aktiviti dijalankan seperti sesi penilaian cita rasa produk yang disampaikan oleh pengusaha-pengusaha pertanian dan perikanan.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di KSSUP, ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya, para peladang, petani, penternak dan nelayan serta para pengusaha agrimakanan di seluruh negara.

# Kukuhkan status bangunan sebagai destinasi perniagaan utama

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**

**>> Muka 1**

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa perkhidmatan pengurusan kemudahan bangunan telah dimodenkan dengan memasukkan ciri digital termaju seperti sistem pengecaman wajah, sistem tempahan bilik mesyuarat digital yang diperkemas dan teknologi audio-visual yang dipertingkatkan.

Kemajuan ini, kata Yang Berhormat, mengukuhkan status bangunan sebagai destinasi perniagaan utama dan menetapkan penanda aras untuk kualiti yang setanding dengan piawaian serantau dan seterusnya.

Yang Berhormat berharap transformasi itu akan menjadi contoh kepada bangunan lama dan baharu yang lain di Negara Brunei Darussalam.

"Dalam mempromosi Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke dalam negara, adalah penting bahawa infrastruktur kita memenuhi keperluan syarikat multinasional. Bangunan ini harus menjadi mercu tanda inovasi dan kemajuan, ruang dinamik untuk kerja, kerjasama dan hubungan," jelas Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa berucap pada majlis berkenaan.**

# MUTIARA EXCHANGE : HAB KOMUNITI DINAMIK, INOVASI



**YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II melancarkan Penjenamaan Semula Bekas Bangunan Ibu Pejabat DST.**

**TUNGKU LINK,** Isnin, 4 November. - Bandtree Sdn. Bhd. hari ini mengumumkan Pelancaran Bekas Bangunan Ibu Pejabat DST yang baru dijenamakan dan dihidupkan semula iaitu Mutiara Exchange, pada majlis yang berlangsung di Dewan Mutiara, Aras 12, di sini.

Sebagai salah satu bangunan paling ikonik di Negara Brunei Darussalam, Mutiara Exchange yang mempunyai 13 tingkat ini telah beralih daripada tanda penyewa tunggal kepada hab komuniti penyewa yang dinamik, memupuk kerjasama, inovasi dan pertumbuhan.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Penjenamaan Semula Bekas Bangunan Ibu Pejabat DST disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku tetamu kehormat.

Juga hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Khairuddin bin Haji Abdul Hamid dan Pengerusi Lembaga Pengarah Bandtree dan Ketua Pegawai Eksekutif Bandtree Sdn. Bhd., Awang Muhd. Syukri Nur bin Haji Mohd. Jais; Ahli-ahli lembaga pengarah, pegawai kanan, penyewa dan jemputan.

Bangunan tersebut pada asalnya dibina pertengahan 1990-an sebagai ruang pejabat Gred-A dan ibu pejabat untuk DST, bangunan itu telah dihidupkan semula oleh Bandtree sejak tahun 2021 bagi menyelaraskan dengan amalan mampan dan memenuhi keperluan perniagaan moden.

Bangunan tersebut telah dinaikkan taraf termasuk panel kaca fasad yang canggih dan cekap tenaga, sistem penghawa dingin berasaskan bahan penyejuk, tempat letak kereta yang diperluaskan, bilik persidangan dan mesyuarat yang diperbaharui serta kemudahan untuk sukan dan tempat makan juga dipertingkatkan. Penambahbaikan ini menekankan komitmen Bandtree untuk menyediakan persekitaran yang inovatif dan mampan di Mutiara Exchange.

Digital *modernization* telah menjadi satu lagi titik tumpuan, dengan penyepaduan teknologi termaju seperti sistem pengecaman wajah dan sistem tempahan bilik mesyuarat yang diperkemas. Peningkatan ini meletakkan Mutiara Exchange sebagai peneraju dalam ruang inovasi komersial di negara ini, menyediakan penyewa dengan perkhidmatan hospitaliti, keselamatan dan pengurusan kemudahan terkini.

Mutiara Exchange kini berfungsi sebagai hab perniagaan berbilang penyewa untuk pelbagai organisasi, termasuk DST, DMS, Deloitte, Kristal Media, HYS Tindulang, Ri's Café, Sports Brunei Darussalam dan Sec Mashibah Sdn. Bhd. Transformasi ini menandakan babak baharu dalam sejarah bangunan, mewujudkan ekosistem yang memupuk rangkaian dan kerjasama merentas pelbagai sektor.

"Identiti baharu kami sebagai Mutiara Exchange mewakili lebih daripada sekadar pertukaran nama. Ia adalah sambutan evolusi dan pengesahan dedikasi kami untuk mencipta sebuah persekitaran perniagaan yang mampan dan terbaik dengan mencerminkan aspirasi untuk kekal di barisan hadapan dalam landskap komersial di negara ini, sambil menghormati legasi kecemerlangan dan berdaya tahan," jelas Awang Muhd. Syukri Nur bin Haji Mohd. Jais.

Dengan penjenamaan semula dan menaik taraf mercu tanda terkenal ini, Bandtree bukan sahaja menyokong objektif alam sekitar tetapi juga menyumbang kepada visinya untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan, menjadikan Mutiara Exchange sebagai mercu tanda perniagaan moden di rantau ini. Majlis tersebut turut menyaksikan Pelancaran Pejabat Deloitte Brunei yang terletak di Aras 6, juga disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.



**YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa hadir pada Majlis Pelancaran Penjenamaan Semula Bekas Bangunan Ibu Pejabat DST (atas dan bawah kiri).**



## HALUAN

**>> Muka 2**

Sepanjang setahun yang lalu, penglibatan ahli farmasi dalam menyokong Program Pengawasan Antibiotik telah berkembang daripada memantau penggunaan antibiotik secara retrospektif kepada memantau penggunaan antibiotik di peringkat wad, secara prospektif. Perkhidmatan klinikal ini bermula di JPMC dan berkembang ke Gleneagles JPMC tahun lepas. Terdapat peningkatan permintaan untuk kehadiran ahli farmasi di kawasan klinikal merentasi pelbagai kemudahan hospital yang disediakan oleh farmasi. Kami mengiktiraf cabaran dan peluang yang akan datang. Landskap penjagaan kesihatan sentiasa berubah dan begitu juga peranan farmasi. Komitmen awda terhadap pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan profesional adalah penting semasa kami menyesuaikan diri dengan cabaran dan peluang baharu. Saya menggalakkan setiap daripada awda untuk terus mengejar pertumbuhan, secara individu dan sebagai satu pasukan.

Mengenai pengawasan keselamatan ubat, farmasi, dengan kerjasama Pasukan Pengurusan Risiko, memantau keselamatan dan pematuhan ubat di hospital. Tugas penting ini, memastikan keselamatan ubat merentasi semua proses penggunaan ubat, daripada preskripsi, dispensi, kepada pentadbiran. Siasatan, penilaian dan penilaian proses mengenal pasti titik risiko dalam sistem penggunaan ubat dengan penyelesaian yang dilaksanakan untuk penambahbaikan penggunaan ubat.

Setiap hari, farmasi memperkasakan pesakit dengan pengetahuan tentang keadaan kesihatan dan ubat-ubatan mereka. Peranan mendidik ini melangkaui interaksi pesakit, ia juga merangkumi latihan dan bimbingan generasi ahli farmasi akan datang. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, Farmasi JPMC telah mengambil *preceptorship* untuk pelajar farmasi dari Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan juruteknik farmasi dari Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE). Masa dan sumbangan ahli farmasi dalam melatih pasukan farmasi masa depan akan meninggalkan nilai yang berkekalan dalam sistem penjagaan kesihatan kita dan kepada profesion farmasi.

Kesimpulannya, marilah kita semua terus menyokong dan menghargai pasukan farmasi kita. Mereka adalah tonggak senyap kesihatan kita dan komitmen mereka patut kita sanjung. Ahli farmasi dan profesional farmasi adalah tulang belakang amalan farmasi. Ia adalah satu penghormatan untuk bekerja bersama-sama individu berbakat ini. Marilah kita sama-sama berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam semua yang kita lakukan. Selamat Hari Farmasi Sedunia!

Terima kasih.

*Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# MUFTI KERAJAAN TERIMA KUNJUNGAN ZIARAH

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 5 November. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned telah menerima kunjungan ziarah daripada rombongan guru-guru dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dari Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Kampung Perpindahan Mentiri.

Rombongan seramai 13 orang itu diketuai oleh Pengerusi PIBG sekolah bekenaan, Awang Haji Zulkifli bin Haji Gadong.

Mengalu-alukan rombongan di DarulIfta Brunei Darussalam ialah Pemangku Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Saiful Nizam bin Haji Sulaiman berserta beberapa orang pegawai dari Jabatan Mufti Kerajaan.



**YANG Berhormat Mufti Kerajaan menerima kunjungan ziarah daripada rombongan guru-guru dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dari Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Kampung Perpindahan Mentiri.**

Tujuan kunjungan tersebut adalah sebagai tanda ingatan dan kenangan kepada Yang Berhormat Mufti Kerajaan bersempena Jubli Mutiara (30 Tahun) tertubuhnya sekolah tersebut pada tahun 1994.

Yang Berhormat Mufti Kerajaan dalam ucapan nasihat telah menghuraikan tentang pentingnya persaudaraan seagama, dan perlunya penuntut-penuntut diterapkan dengan pendidikan agama dan akhlak sejak dari kecil lagi.

# Perkukuh kerjasama strategik promosikan produk, perkhidmatan EV




**MENANDATANGANI bagi pihak BSM ialah Pengarah Urusan BSM, Awang Mohammed Alexirwan bin Haji Omar sementara menandatangani bagi pihak Indera Motors ialah Pengarah Urusannya, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Ghaffar bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Suzani Adina Haji Marzoki**

**GADONG**, Selasa, 5 November. - Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sdn. Bhd. (BSM) dan Indera Motors Sdn. Bhd. telah menandatangani perjanjian hari ini, yang menandakan kerjasama strategik dalam usaha mereka untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan Kenderaan Elektrik (EV) di Negara Brunei Darussalam.

Sebagai sebahagian daripada kolaborasi berkenaan, Indera Motors, pengedar rasmi kereta mewah berjenama Jaguar dan Land Rover di negara ini, akan menawarkan kepada pelanggan mereka pengecasan EV yang canggih melalui Shell Recharge.

Inisiatif tersebut adalah bagi menyokong peningkatan penggunaan EV dan mencerminkan komitmen kedua-dua syarikat terhadap alternatif mesra alam.

Menandatangani bagi pihak BSM ialah Pengarah Urusan BSM, Awang Mohammed Alexirwan bin Haji Omar dan disaksikan oleh Ketua Kecemerlangan Pelanggan BSM, Awang Mohd. Adini Haji Mohd. Daini.

Sementara menandatangani bagi pihak Indera Motors ialah Pengarah Urusannya, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Ghaffar bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris dan disaksikan oleh Pengurus Besar Indera Motors Sdn. Bhd., Alfred Yong Foh Sen.

Pengarah Urusan BSM dalam mengulas tentang kerjasama ini berkata, "Kami teruja untuk bekerjasama dengan Indera Motors bagi menyokong peralihan Brunei ke arah mobiliti elektrik".

Kerjasama ini jelasnya, membolehkan mereka menawarkan penyelesaian pengecasan yang mudah dan mudah diakses untuk pemilik EV Jaguar dan Land Rover.

Di BSM ujarnya, mereka percaya pada kekuatan kerjasama untuk memacu inovasi dan mengajak pengedar lain untuk meneroka bagaimana Shell Recharge dapat meningkatkan pengalaman pelanggan mereka dan menyokong peralihan kepada mobiliti elektrik.

"Dengan pelancaran kerjasama strategik ini bersama BSM, kami teruja untuk membawa visi Reimagine Jaguar Land Rover ke Brunei dengan memberdayakan pelanggan kami dengan penyelesaian EV yang lancar," kata Pengarah Urusan Indera Motors Sdn. Bhd.

Melalui Shell Recharge tambahnya, mereka menyediakan pilihan pengecasan yang boleh dipercayai dan mudah diakses, serta menyokong masa depan mobiliti yang mampan di Brunei.

Melalui rangkaian Shell Recharge, BSM terus komited untuk menyediakan pemandu EV di Brunei dengan pilihan pengecasan yang boleh dipercayai dan mudah, sama ada di rumah di stesen runcit atau di titik pengecasan awam.

Kerjasama tersebut direka untuk memberikan pelanggan Jaguar dan Land Rover penyelesaian lengkap bagi keperluan pengecasan EV mereka.

Perkhidmatan yang ditawarkan merangkumi Penilaian dan evaluasi untuk pemasangan pengecas di rumah bagi pengecas EV; Pengecas berprestasi tinggi yang serasi dengan model kenderaan elektrik moden; dan Pemasangan profesional yang mematuhi standard keselamatan global, memastikan kebolehpercayaan dan keselamatan untuk pelanggan.

Selain itu, pelanggan akan mendapatkan akses kepada stesen pengecas Shell Recharge yang sedia ada dan yang akan datang di seluruh Brunei, termasuk pengecas pantas pertama di negara ini yang terletak di stesen runcit IBA di Lambak.



# NBD - KESULTANAN OMAN TERUS KOMITED TEROKAI PELUANG BAHARU






**PUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS semasa hadir pada simposium berkenaan (atas kiri), manakala gambar atas kanan, simposium bertajuk 'Hubungan Kesultanan Oman - NBD : Masa Kini Yang Membangun dan Masa Depan Yang Menjanjikan'.**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 4 November. - Kedutaan Kesultanan Oman dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Negara Brunei Darussalam (NBD) serta Kementerian Kebudayaan, Sukan dan Belia, Kesultanan Oman menganjurkan simposium bertajuk 'Hubungan Kesultanan Oman - NBD : Masa Kini Yang Membangun dan Masa Depan Yang Menjanjikan'.

Simposium yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah berkenaan adalah sempena memperingati Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik antara Kesultanan Oman dan NBD.

Hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke NBD, Puan Yang Terutama Erma Said Mohamed Al Kathiry dan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS NBD, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Terdahulu, simposium dimulakan dengan Lagu Kebangsaan kedua-dua negara dan diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Seterusnya, Puan Yang Terutama Erma Said dalam ucapannya menekankan kepentingan pencapaian bersejarah berkenaan bukan sahaja untuk merenung perjalanan bersama di antara kedua-dua negara tetapi juga untuk membayangkan peluang tanpa batas yang terbentang di hadapan untuk kedua-dua negara.

PYT seterusnya menyatakan kebanggaannya terhadap hubungan yang berterusan antara Kesultanan Oman dan NBD, selain menyoroti kepentingan perjalanan 40 tahun yang ditandai dengan saling hormat-menghormati, kerjasama dan pertukaran budaya yang saling menguntungkan.

Tambah PYT, selain warisan yang kaya dikongsi oleh kedua-dua negara, Kesultanan Oman dan NBD juga turut diperintah oleh raja yang penyayang dan baik hati yang menunjukkan penghormatan mendalam terhadap tradisi dan kepimpinan, memberi kestabilan dan visi bagi rakyat masing-masing.

PYT turut menyentuh mengenai persamaan antara kedua-dua negara, dengan menekankan bagaimana nilai-nilai Islam membentuk masyarakat mereka, memupuk rasa identiti dan komuniti yang kuat.

"Berkenaan tentang kedudukan geografi strategik kedua-dua negara, Kesultanan Oman berada di pintu masuk Semenanjung Arab dan NBD terletak di Asia Tenggara.

"Kedudukan ini meningkatkan kepentingan mereka dalam perdagangan global dan menawarkan banyak peluang yang luas untuk kerjasama dalam pelbagai sektor," ujar PYT lagi.

PYT akhirnya menyatakan harapannya untuk masa depan dengan merayakan Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Kesultanan Oman - NBD, terus komited meneroka peluang-peluang baharu yang akan memperdalam dan memperkaya kerjasama kedua-dua negara.

Simposium antaranya melibatkan perbincangan bagi memupuk pertukaran ide dan potensi kerjasama dalam pelbagai bidang yang berkaitan.

Juga hadir, pengarah-pengarah dan timbalan pengarah dari jabatan-jabatan di bawah KKBS.

# Platform kongsi pengetahuan sains tumbuhan, tamadun Islam



**PERASMIAN simposium berkenaan disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 4 November. - Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), Jabatan Perdana Menteri, dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Botani, Universiti Brunei Darussalam (UBD BRC) di bawah Institut Penyelidikan Biodiversiti dan Alam Sekitar (IBER) mengadakan simposium bertajuk 'Simposium Tumbuhan Dalam Tamadun Islam' yang diadakan di Bangunan BKISHHB.

Perasmian simposium berkenaan disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Pengarah BKISHHB, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad dalam ucapannya menekankan kepentingan mengenai kerjasama berkenaan dalam mendokumentasikan penggunaan tumbuhan herba secara tradisional untuk memelihara pengetahuan dalam era moden yang akan memajukan penyelidikan mengenai taman herba di Balai Khazanah berkenaan.

"Melalui simposium ini, kami berhasrat untuk memupuk pemahaman yang lebih mendalam tentang kepentingan tumbuh-tumbuhan, sejajar dengan faedah, fungsi dan perkembangannya bagi menggalakkan pertumbuhan intelek dan pencerahan rohani dalam kalangan peserta," ujarnya.

Beliau seterusnya berkata, Taman Herba di BKISHHB mengetengahkan lebih 54 spesies tumbuhan dan herba perubatan dan koleksi berkenaan terutamanya terdiri daripada herba-herba yang diiktiraf antarabangsa yang telah digunakan selama beratus tahun untuk mempromosi kesihatan dan kesejahteraan.

"Penyelidikan saintifik telah menunjukkan bahawa banyak herba-herba ini berkesan menangani pelbagai penyakit.

"Herba digunakan bukan sahaja sebagai rawatan untuk manusia dan haiwan tetapi juga dalam pemuliharaan dan pemeliharaan artifak melalui tumbuhan tradisional," katanya.

Dr. Haji Awang Mohammed Hussain seterusnya menjelaskan kehebatan ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala turut dipamerkan di Galeri 7 yang menampilkan artifak berharga berkaitan dengan biodiversiti dan ekosistem, termasuk flora dan fauna yang berfosil.

Fosil botani purba berkenaan katanya, menyimpan rahsia yang boleh membimbing generasi sekarang dan akan didedahkan dalam pembentangan oleh Pegawai Arkeologi BKISHHB.

Tetamu kehormat majlis seterusnya melancarkan dan mengunjungi pameran simposium yang mempamerkan pelbagai karya seni botani dan poster penyelidikan yang dihasilkan oleh UBD BRC dan BKISHHB.

Diikuti dengan mengadakan lawatan ke Taman Herba di BKISHHB yang menampilkan tumbuhan yang mempunyai nilai etno botani yang penting.

Sesi plenari telah disampaikan semasa Majlis Pembukaan, diikuti dengan pembentangan seminar oleh penceramah dari BKISHHB dan IBER.

Kertas kerja simposium menekankan peranan penting tumbuhan dalam tamadun Islam di pelbagai bidang seperti pertanian, perubatan, budaya dan kepercayaan.

Simposium berkenaan juga menyediakan platform untuk penglibatan dan perkongsian pengetahuan mengenai persimpangan antara sains tumbuhan dan tamadun Islam.

Turut hadir pada simposium berkenaan ialah para peserta daripada agensi kerajaan dan institusi pendidikan, yang juga berpeluang melawat galeri di BKISHHB dan Taman Botani UBD BRC di UBD.



**PENGARAH BKISHHB, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad semasa berucap.**



**PAMERAN simposium yang mempamerkan pelbagai karya seni botani dan poster penyelidikan yang dihasilkan oleh UBD BRC dan BKISHHB.**

# PENDEKATAN INOVATIF, TEKNOLOGI MEMPERKASA PERKHIDMATAN AGAMA



**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama mempengerusikan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOM) Kali Ke-48 bagi MABIMS Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi telah diadakan di Indera Samudra, The Empire Brunei.**

**>> Muka 1**

Mesyuarat dimulakan dengan Ucapan Sambutan daripada Ketua Delegasi NBD selaku tuan rumah, diikuti dengan Ketua Delegasi Republik Indonesia, Malaysia dan kemudiannya Ketua Delegasi Republik Singapura.

Dalam Ucapan Sambutan Ketua Mesyuarat SOM NBD, antara lain menekankan pentingnya penggunaan Artificial Intelligence (AI) dalam konteks perkhidmatan agama.

Beliau menyatakan bahawa teknologi ini dapat menjadi satu pendekatan yang inovatif untuk memperkasakan perkhidmatan agama, dengan meningkatkan penglibatan dan jangkauan orang awam.

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

Menurutnya lagi, penggunaan AI boleh membantu dalam pelbagai aspek termasuk memperkukuh sistem zakat dan wakaf, pendidikan agama serta pemerkasaan belia. Dengan semangat ini, adalah diharapkan agar wacana MABIMS dapat membuka ruang untuk perbincangan lanjut mengenai cara-cara untuk mengintegrasikan teknologi dalam memperbaiki perkhidmatan dan memberi manfaat kepada masyarakat.

Sejurus selepas itu, Pengesahan Agenda Mesyuarat SOM Kali Ke-48 bagi MABIMS dan Pembentangan Resolusi Seminar Kertas Tema SOM Kali Ke-48 diadakan pada sebelah pagi tadi bertempat di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Manakala, mesyuarat pada sebelah petang tadi membincangkan Laporan Pelaksanaan Fokus Strategik di bawah Rancangan Strategik MABIMS 2026–2030. Negara penyelaras telah membentangkan Fokus Strategik berikut iaitu Potensi Belia oleh NBD; Pendidikan dan Penghayatan Beragama oleh Republik Indonesia; Kesejahteraan Sosial oleh Malaysia dan Keharmonian Serantau oleh Republik Singapura.

Mesyuarat SOM Kali Ke-48 diharap dapat menghasilkan kerjasama yang lebih erat antara Negara-negara Anggota MABIMS, memperkukuh hubungan serta mencipta inisiatif yang memberi impak positif kepada masyarakat di rantau MABIMS.

# Kongsi pengalaman tangani isu kesihatan mental

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Azmah Haji Ahad**






**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir pada Forum Kertas Tema yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas), manakala gambar kanan, sekitar forum berkenaan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 5 November. - Forum Kertas Tema Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOM) Kali Ke-48 bagi MABIMS Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi menekankan mengenai kepentingan pemeliharaan akal dalam konteks Maqasid Syariah.

Dengan membawakan tema 'Memelihara Akal Dalam Maqasid Syariah : Bagaimana Belia Islam Dapat Membantu?' forum dihasratkan agar dapat membincangkan dan berkongsi pengalaman sesama Negara-negara Anggota MABIMS dalam menangani isu kesihatan mental dalam kalangan komuniti.

Hadir pada Forum Kertas Tema yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim selaku Ketua SOM Negara Brunei Darussalam (NBD).

Juga hadir, Ketua-ketua SOM dan delegasi Negara-negara Anggota MABIMS; pegawai-pegawai kanan dan para pegawai daripada KHEU, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Belia daripada Majlis Belia Brunei; Program Keugamaan Belia; mahasiswa-mahasiswi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan para pelajar dari Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah.

Terdahulu, forum dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Daerah Brunei dan Muara, Awang Saufi bin Haji Suhaini.

Ahli-ahli panel forum terdiri daripada tiga perwakilan daripada Negara Anggota MABIMS iaitu Penolong Pensyarah Pusat Kajian Fiqh Kontemporari KUPU SB, Pengiran Norizzati binti Pengiran Haji Kasharan dari NBD; Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Maqasid Syariah, JAKIM, Yang Berusaha Encik Mohd Suhaimi bin Mohd Yusof dari Malaysia dan Pendakwah Bebas, Yang Berusaha Ustazah Nur Hidayah binti Azman dari Republik Singapura.

Sementara Moderator Forum ialah Penolong Pensyarah, Fakulti Pendidikan dan Sains Kemasyarakatan dan Ketua Unit Pengurusan Strategik dan Jaminan Kualiti, KUPU SB, Awang Haji Mohammad Khairul Azhar bin Haji Idris.

Forum Kertas Tema merupakan permulaan bagi SOM Kali Ke-48 di mana NBD melalui KHEU menjadi tuan rumah bagi SOM Kali Ke-48 bagi MABIMS Tahun 1446H / 2024M, yang berlangsung selama dua hari sehingga 6 November 2024.

Ia juga diadakan bagi merancang modul dan program intervensi yang berlandaskan ajaran Islam bagi meningkatkan kesejahteraan mental di rantau MABIMS. Selain itu, salah satu Fokus Strategik dalam Rancangan Strategik MABIMS 2021-2025 adalah Potensi Belia yang mana NBD sebagai Negara Penyelaras.

# MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM RAIKAN DELEGASI NEGARA ANGGOTA MABIMS

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said






**MAJLIS Jamuan Makan Malam (Welcoming Dinner) bagi mengalu-alukan kehadiran Delegasi Negara-negara Anggota MABIMS yang dihoskan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (atas dan atas kanan).**

**JERUDONG**, Isnin, 4 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD) akan menjadi tuan rumah Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOM) Kali Ke-48 bagi MABIMS Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi yang akan berlangsung selama dua hari iaitu pada 5 dan 6 November 2024.

Sehubungan itu, Majlis Jamuan Makan Malam (Welcoming Dinner) bagi mengalu-alukan kehadiran Delegasi Negara-negara Anggota MABIMS yang dihoskan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim selaku Ketua SOM NBD telah diadakan malam tadi. Majlis Jamuan Makan Malam tersebut diadakan di Indera Samudra Grand Hall 4, The Empire Brunei, Jerudong.

Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli selaku Ketua SOM NBD dalam ucapan alu-aluannya antara lain mengalu-alukan kedatangan delegasi daripada Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura ke SOM Kali Ke-48 bagi MABIMS Tahun 1446H / 2024M di NBD dan seterusnya berharap agar mesyuarat ini nanti dapat terus memperkukuhkan dan menjayakan Rancangan Strategik MABIMS melalui pelaksanaan agenda-agenda yang telah diaturkan.

Mengimbas kembali SOM Kali Ke-47 dan MABIMS Ke-20 yang telah dihoskan dengan jayanya oleh Republik Singapura tahun lepas, Awang Haji Mohammad Rosli turut merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada Singapura atas kejayaan penganjuran tersebut yang telah memberikan kita peluang untuk memperkukuhkan kerjasama dan meningkatkan pelaksanaan agenda-agenda bersama dalam memperkasa pembangunan ummah di rantau ini.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Imam Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkurong, Awang Haji Mohd. Zaidin bin Haji Mohd. Noor.

Turut hadir, pengarah-pengarah dan para pegawai kanan KHEU dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta para perwakilan dari setiap Negara Anggota MABIMS.

# MINDA PEMBACA



## Melindungi kesejahteraan, kebajikan warga emas

MELINDUNGI kesejahteraan kebajikan warga emas memerlukan sokongan menyeluruh yang melibatkan komitmen daripada individu, komuniti dan kerajaan untuk mewujudkan persekitaran di mana warga emas boleh berkembang maju.

Satu aspek asas kebajikan warga emas ialah akses kepada penjagaan kesihatan perkhidmatan pencegahan iaitu memastikan pemeriksaan kesihatan yang berkala yang mana adalah penting untuk memantau keadaan kronik dan mencegah masalah kesihatan yang berpotensi. Selain itu, menggalakkan diet seimbang adalah penting dengan memilih makanan yang berkhasiat kaya dengan buah-buahan, sayur-sayuran dan berprotein untuk meningkatkan kesihatan fizikal.

Tambahan lagi, dengan mengadakan aktiviti kelas fizikal senaman seperti program senaman yang disesuaikan untuk warga emas seperti kelas kecergasan berimpak rendah, berjalan kaki, yoga atau Taici adalah satu lagi asas yang boleh membantu mengekalkan kesihatan fizikal. Dengan mempromosi gaya hidup aktif dengan menggalakkan aktiviti yang digemari warga emas sama ada dari segi keagamaan, sosial dan pembangunan yang boleh meningkatkan kualiti hidup yang produktif dan berdikari.

Sebagai contoh, Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) yang telah ditubuhkan oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat Daerah Tutong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang mana bertujuan untuk menjadi platform kepada warga emas yang mana mereka boleh menimba ilmu, meningkatkan kemahiran hidup seharian, berkongsi pengalaman dan kepakaran, mengukuhkan interaksi dan komunikasi dan lain-lain lagi.

Kesimpulannya, melindungi kesejahteraan dan kebajikan warga emas memerlukan usaha bersama. Dengan memupuk persekitaran yang menyokong dan menggalakkan penglibatan komuniti boleh meningkatkan kualiti hidup untuk warga emas, dengan memastikan warga emas dihargai, dijaga, sentiasa dipeduli dan tidak tercicir daripada sokongan masyarakat bersama.

**Nama : Siti Nurun Naqibah binti Mohammad Yusof**
**No. K/P : 01-082XXX**

## Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Mensyukuri Nikmat Kesihatan'.** Tarikh Tutup **: 6 November 2024**
2. **'Jadikan Kerja Sebagai Ibadah'.** Tarikh Tutup **: 13 November 2024**
3. **'Manfaatkan Hobi Dalam Menjana Pendapatan'.** Tarikh Tutup **: 20 November 2024**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# Larangan-Larangan Dalam Mengucap Ta'ziah

IRSYAD HUKUM

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn

E-mail : fatwa@mufti.gov.bn · info@mufti.gov.bn

**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**APABILA** berlaku sesuatu musibah, kita disunatkan untuk mengucap ta'ziah kepada orang-orang yang ditimpa musibah itu. Salah satu musibah yang disunatkan padanya mengucap ta'ziah kepada orang-orang yang ditimpa musibah itu ialah apabila berlaku kematian.

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Adzkar, ta'ziah ialah *at-tashbir* iaitu mengajak bersabar, menyampaikan hal-hal yang dapat menghibur dan menenangkan ahli keluarga si mati, meringankan kesedihannya dan meringankan musibahnya.

Menurut Imam ar-Ramli dan asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahumallah*, hukum ta'ziah adalah sunat *mu'akkadah* (sangat dituntut). Imam an-Nawawi *Rahimahullah* menyebut dalam kitabnya al-Adzkar bahawa ta'ziah terkandung dalam rangka perintah *al-amr bi al-ma'ruf wa an-nahyi 'an al-munkar.* Ta'ziah juga termasuk dalam maksud firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Ma'idah ayat 2:

**Tafsirnya**: *Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketaqwaan.*

(Surah al-Ma'idah: 2)

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah*, ayat ini merupakan dalil paling kuat dalam pensyariatan ta'ziah.

Pensyariatan ta'ziah juga sabit dalam hadits-hadits Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Antaranya hadits daripada 'Amr ibn Hazm *Radhiallahu 'anhu*, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

**Maksudnya:** *Tidak ada seorang mukmin yang mengucap ta'ziah kepada saudaranya disebabkan musibah (yang menimpa dirinya), melainkan Allah Subhanahu wa Ta'ala akan memakaikannya pakaian kemuliaan pada hari Kiamat.*

(Hadits riwayat Ibn Majah)

Ta'ziah sunat diucapkan kepada semua peringkat ahli keluarga si mati sama ada ahli keluarga yang masih kecil atau dewasa, lelaki ataupun perempuan. Ta'ziah sunat diucapkan terlebih dahulu kepada ahli keluarga yang paling lemah dan tidak terdaya menanggung derita musibah tersebut.

Ta'ziah sunat diucapkan sama ada sebelum jenazah dikebumikan ataupun selepasnya. Walau bagaimanapun, mengucap ta'ziah selepas jenazah dikebumikan adalah afdhal kerana sebelum dikebumikan, ahli keluarga si mati sedang sibuk dengan pengurusan jenazah. Tambahan pula, kesedihan dan kerinduan mereka terhadap si mati telah meninggalkan mereka adalah lebih berat setelah jenazah dikebumikan. Sekiranya didapati ada ahli keluarga si mati yang sangat berat kesedihan dan kedukaannya sebelum jenazah dikebumikan, maka dalam hal ini adalah lebih utama diucap ta'ziah pada ahli keluarga berkenaan sebelum jenazah dikebumikan bagi menenangkannya.

Ta'ziah boleh disampaikan dengan sebarang ucapan yang mengajak bersabar, mendoakan si mati dan ahli keluarganya,menyampaikan hal-hal yang dapat menghibur dan menenangkan ahli keluarga si mati,meringankan kesedihannya dan meringankan musibahnya. Antara ucapan ta'ziah yang disukai oleh para ulama untuk diucapkan kepada orang Islam yang kematian ahli keluarganya yang beragama Islam ialah:

أَعْظَمَ اللهُ أَجْرَكَ وَأَحْسَنَ عَزَاءَكَ وَغَفَرَ لِمَيِّتِكَ

**Ertinya:** *Semoga Allah membesarkan (melipatgandakan) pahalamudan memperelok kesabaranmu serta mengampuni mayat ahli keluargamu.*

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Adzkar, sebaik-baik ucapan ta'ziah kepada orang Islam yang kematian ahli keluarganya yang beragama Islam ialah ucapan ta'ziah yang pernah diucapkan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* ini:

**Maksudnya :** *Sesungguhnya apa yang Allah ambil adalah milikNya, dan apa yang Dia beri (juga) adalah milikNya, dan semua itu ada tempoh yang tertentu di sisiNya, maka sabarlah engkau dan berharaplah engkau (kepada kurniaan pahala).*

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Menurut Imam asy-Syibramallisi *Rahimahullah*, sunat juga hukumnya menjabat tangan ahli keluarga si mati ketika mengucap ta'ziah kepadanya.

Ahli keluarga si mati yang menerima ucapan ta'ziah pula sunat membalas ucapan tersebut dengan ucapan seumpama:

جَزَاكَ اللهُ خَيْرًا

**Ertinya:** *Semoga Allah akan mengurniakan kepadamu sebaik-baik ganjaran.*

Suatu perkara yang orang ramai sering terlepas pandang mengenainya ialah larangan-larangan yang perlu dijauhi ketika menyampaikan ta'ziah. Larangan-larangan dalam ta'ziah ini, jika tidak dipatuhi akan menyebabkan ta'ziah itu bukan sahaja tidak mendatangkan pahala, bahkan boleh pula menyebabkan dosa kerana larangan-larangan tersebut ada kalanya hukumnya hanya makruh dan ada kalanya pula membawa kepada haram.

Antara larangan-larangan dalam ta'ziah itu ialah:

i.Mengucap ta'ziah selepas berlalu tiga hari musibah kematian.

Tempoh mengucapkan ta'ziah kepada ahli keluarga si mati adalah tiga hari sahaja. Mengucapkan ta'ziah selepas berlalu tiga hari hukumnya makruh kerana tujuan ta'ziah ialah menenangkan hati orang yang ditimpa musibah sedangkan pada kebiasaannya hati ahli keluarga si mati menjadi semakin tenang dan kesedihannya menjadi semakin reda selepas berlalu tiga hari, maka dikhuatiri ucapan ta'ziah tersebut akan menimbulkan kembali kesedihan dan kedukaan mereka.

Bagi orang yang tidak hadir ketika kematiannya kerana sedang musafir atau kerana ada halangan seperti sakit atau kerana belum sampai kepadanya khabar kematian tersebut, maka dia boleh mengucap ta'ziah kepada ahli keluarga si mati setelah dia kembali dari pelayarannya, atau setelah tiada halangan untuknya bertemu dengan ahli keluarga si mati atau setelah sampai kepadanya khabar kematian itu. Dia mempunyai masa untuk menyampaikan ta'ziahnya itu dalam tempoh tiga hari setelah dia kembali dari pelayarannya, atau setelah tiada halangan untuknya bertemu ahli keluarga si mati atau setelah sampai kepadanya khabar kematian itu. Sebagai contoh, bagi orang yang tidak hadir ketika kematian seseorang kerana sedang musafir, sekiranya dia belum menyampaikan ta'ziahnya pada hari dia kembali dari pelayaran itu, dia masih berpeluang untuk menyampaikan ta'ziahnya itu dalam tempoh tiga hari setelah dia kembali dari pelayarannya.

Selain itu, orang yang tidak dapat hadir itu juga boleh menyampaikan ucapan ta'ziah dalam bentuk tulisan sepertimana yang disebut oleh Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj. Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa adalah juga memadai dan tercapai tujuan ta'ziah sekiranya orang yang tidak dapat hadir itu menyampaikan ta'ziah kepada ahli keluarga si mati melalui surat serta aplikasi-aplikasi perhubungan masakini seperti *WhatsApp* dan sebagainya.

ii.Ta'ziah dengan mendoakan rahmat dan keampunan untuk si mati yang bukan Islam.

Jika si mati itu adalah orang kafir, maka haram hukumnya mengucap ta'ziah kepada ahli keluarganya sama ada ahli keluarga tersebut Islam atau bukan Islam dengan mendoakan keampunan untuk si mati seperti dengan mengucapkan:

وَغَفَرَ لِمَيِّتِكَ

**Ertinya:** *(Semoga Allah) mengampuni mayat ahli keluargamu.*

Ketetapan ini adalah kerana memohon keampunan untuk orang kafir hukumnya adalah haram.

Oleh yang demikian, sekiranya si mati yang bukan beragama Islam itu mempunyai ahli keluarga yang beragama Islam, maka memadai mengucap ta'ziah kepada ahli keluarganya yang beragama Islam itu tanpa mendoakan rahmat dan keampunan untuk si mati yang bukan beragama Islam itu dengan ucapan seperti:

أَعْظَمَ اللهُ أَجْرَكَ وَصَبَّرَكَ

**Ertinya:** *Semoga Allah membesarkan (melipatgandakan) pahalamu dan memberimu kesabaran.*

iii.Ta'ziah dengan mendoakan pahala untuk ahli keluarga yang bukan beragama Islam.

Menurut asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah*, dilarang untuk mendoakan pahala untuk ahli keluarga si mati sekiranya ahli keluarganya itu bukan beragama Islam sama ada kafir *dzimmi* atau kafir *harbi*, kerana orang bukan Islam pada hakikatnya tidak mendapat pahala. Maka dilarang untuk mengucap ta'ziah kepada ahli keluarga yang bukan beragama Islam itu dengan ucapan seperti:

أَعْظَمَ اللهُ أَجْرَكَ

**Ertinya:** *Semoga Allah membesarkan (melipatgandakan) pahalamu.*

Oleh yang demikian, sekiranya si mati yang beragama Islam itu mempunyai ahli keluarga kafir *dzimmi* maka harus dan memadai mengucap ta'ziah kepada ahli keluarganya itu dengan ucapan ta'ziah yang tidak mengandungi doa mendapat pahala untuk keluarganya seperti dengan ucapan:

غَفَرَ اللهُ لِمَيِّتِكَ وَأَحْسَنَ عَزَاءَكَ

**Ertinya:** *Semoga Allah mengampuni mayat ahli keluargamu dan memperelok kesabaranmu.*

Adapun bagi ahli keluarga kafir *harbi*atau orang yang murtad pula, maka mengucap ta'ziah kepada mereka adalah makruh sekalipun ucapan ta'ziah itu tidak mengandungi doa mendapat pahala.

Walau bagaimanapun, sekiranya diharapkan keislaman kafir *dzimmi* atau kafir *harbi* itu, maka dalam hal ini sunat hukumnya mengucap ta'ziah kepadanya tanpa mendoakan pahala untuknya.

iv.Ta'ziah kepada orang kafir dengan tujuan mengagungkannya.

Mengucap ta'ziah kepada orang kafir, sama ada kafir *harbi* atau kafir *dzimmi* boleh membawa kepada haram sekiranya tujuan mengucap ta'ziah itu untuk mengagungkannya.

v.Mengucap ta'ziah kepada perempuan muda yang bukan mahram.

Oleh yang demikian, bagi perempuan muda yang kematian ahli keluarga, lelaki yang sunat mengucap ta'ziah kepadanya hanyalah mahram atau suaminya sahaja dan makruh atas mana-mana lelaki *ajnabi* yang lain. Bahkan al-'Allamah as-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* mengatakan dalam kitabnya I'anah ath-Thalibin, menghukumkannya sebagai haram adalah lebih dicenderungi.

Adapun hukum perempuan muda mengucap ta'ziah kepada lelaki *ajnabi* pula, maka menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami dan Imam ar-Ramli *Rahimahumallah*, hukumnya adalah haram berdasarkan qiyas kepada hukum haram perempuan muda memberi salam kepada lelaki *ajnabi*. Manakala bagi lelaki pula, makruh hukumnya menjawab ta'ziah dari perempuan muda *ajnabiyyah* sepertimana yang disebut oleh Imam asy-Syarwani *Rahimahullah*.

Berdasarkan qiyas kepada hukum haram perempuan muda menjawab salam daripada lelaki *ajnabi*, maka menurut Imam asy-Syibramallisi *Rahimahullah* haram juga hukumnya perempuan muda menjawab ta'ziah dari lelaki *ajnabi*.

vi.Tidak menjaga adab mengucap ta'ziah.

Antara adab yang perlu dijaga oleh orang yang mengucap ta'ziah sepertimana yang disebut oleh Imam al-Ghazali *Rahimahullah* dalam kitabnya Ihya Ulumiddin ialah merendah diri (tawaduk), menampakkan rasa dukacita, tidak banyak berkata-kata serta tidak tersenyum-senyum ketika mengucap ta'ziah.

Demikian penjelasan mengenai larangan-larangan dalam mengucap ta'ziah.

**"TA'ZIAH sunat diucapkan sama ada sebelum jenazah dikebumikan ataupun selepasnya. Walau bagaimanapun, mengucap ta'ziah selepas jenazah dikebumikan adalah afdhal kerana sebelum dikebumikan, ahli keluarga si mati sedang sibuk dengan pengurusan jenazah. Tambahan pula, kesedihan dan kerinduan mereka terhadap si mati yang telah meninggalkan mereka adalah lebih berat setelah jenazah dikebumikan. Sekiranya didapati ada ahli keluarga si mati yang sangat berat kesedihan dan kedukaannya sebelum jenazah dikebumikan, maka dalam hal ini adalah lebih utama diucap ta'ziah pada ahli keluarga berkenaan sebelum jenazah dikebumikan bagi menenangkannya".**

# PENGHARGAAN ATAS BANTUAN MEMPERBAIKI JAMBATAN ROBOH

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Brunei dan Muara**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 4 November. - Majlis Perundingan Kampung Pudak hari ini mengadakan Majlis Penyerahan Sijil Perhargaan yang berlangsung di kediaman Pemangku Ketua Kampung Pudak, Awang Shahri bin Haji Durahim.

Penyerahan Sijil Penghargaan telah disempurnakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri kepada Pengarah Urusan, Cityneon Displays and Construction Sdn. Bhd., Dato Ting Jack Chai.

Adapun majlis ini diadakan adalah untuk memberikan penghargaan kepada Cityneon Displays and Construction Sdn. Bhd. atas bantuan membaiki jambatan yang telah roboh akibat bencana angin kencang yang lalu dan juga sebagai salah satu Tanggungjawab Sosial Korporat syarikat berkenaan.



**PENYERAHAN Sijil Penghargaan disempurnakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara kepada Pengarah Urusan, Cityneon Displays and Construction Sdn. Bhd., Dato Ting Jack Chai.**

# Pupuk kesedaran pelajar mengenai isu buli

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**




**KEMPEN Anti-Bullying, No to Violence dan Anti-Cyberbullying itu diketuai oleh Pengetua SR YSHHB, Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 5 November. - Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) pagi tadi melancarkan Kempen Anti Buli dan Anti Buli Siber bagi memupuk kesedaran kepada para pelajar mengenai isu buli dan cara mengatasinya.

Kempen Anti-Bullying, No to Violence dan Anti-Cyberbullying itu diketuai oleh Pengetua SR YSHHB, Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi.

Kempen ini menyokong inisiatif Kementerian Pendidikan bagi Program BEST (Bantu, Empati, Sayangi, Tanggungjawab) dan juga bertepatan dengan Hari Antarabangsa UNESCO Menentang Keganasan dan Buli di Sekolah termasuk buli siber.

Kira-kira 900 pelajar dari Tahun 1 hingga 5 menghadiri pelancaran kempen tersebut, di mana mereka dibahagikan kepada dua kumpulan.

Ceramah kesedaran buli pada pelancaran itu disampaikan oleh Ketua Jabatan ICT SR YSHHB, Bethsaida Sebastian Ruiz, yang antara lain menjelaskan mengenai kesan negatif buli, keganasan dan buli siber.

Beliau menekankan kepentingan literasi digital dan penggunaan teknologi digital yang selamat dalam kalangan pelajar, bagi mendorong mereka untuk menggunakan platform dalam talian dengan bertanggungjawab.

Bethsaida turut mengetengahkan strategi yang dapat digunakan oleh para pelajar jika mereka menghadapi atau menyaksikan buli.

Kempen itu bertujuan bagi memperkasa para pelajar dengan pengetahuan dan keberanian untuk mengambil tindakan yang sewajarnya serta mendidik mereka mengenai kemudaratan psikologi dan sosial akibat buli, keganasan dan buli siber.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menggalakkan para pelajar bertindak secara hormat dan bertanggungjawab apabila berinteraksi dalam ruang digital.

Majlis pelancaran itu turut diisi dengan aktiviti-aktiviti dalam bilik darjah bagi para pelajar yang hadir termasuk Pertandingan Mewarna bagi Tahun 1 dan 2, Pertandingan Melukis bagi Tahun 3, dan *pledge wall* bagi Tahun 4 dan 5 untuk menunjukkan sokongan mereka dalam mengatasi buli.

Aktiviti ini mengukuhkan mesej kempen dan menggalakkan kesedaran berterusan dalam komuniti sekolah, selain melengkapkan para pelajar dengan pengetahuan praktikal dan menggalakkan perbincangan mengenai interaksi sosial yang positif.

Kempen tersebut menggambarkan komitmen SR YSHHB untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong pelajarnya, mencerminkan dedikasi sekolah terhadap prinsip Program BEST dan misi UNESCO untuk mencegah keganasan dan buli di seluruh dunia, di samping menekankan kepentingan literasi digital dan amalan teknologi digital yang selamat untuk pengalaman dalam talian yang lebih selamat.

Selain itu, Ketua Jabatan ICT juga akan mengundang seorang jurulatih profesional dari Cyber Security Brunei untuk mengadakan Ceramah Keselamatan Siber pada 7 November 2024 untuk pelajar Tahun 6; dan pada 25 November 2024 bagi Tahun 4 dan 5.





**KEMPEN bertujuan bagi memperkasa para pelajar dengan pengetahuan dan keberanian untuk mengambil tindakan yang sewajarnya serta mendidik mereka mengenai kemudaratan psikologi dan sosial akibat buli, keganasan dan buli siber (atas dan kanan).**

منوجو كريضاءن الله
**MENUJU KEREDAAN ALLAH**
كلوألن قوسة دعوة اسلاميه

# Keutamaan muhasabah diri

**SEORANG** Muslim yang hebat adalah mereka yang dapat mempertingkatkan kualiti diri mereka dari semasa ke semasa. Setiap umat Islam wajib melakukan muhasabah diri secara berterusan pada setiap waktu dan kesempatan. Muhasabah diri antara lain bereerti memperbetulkan diri sendiri dan kita sebagai hamba Allah dituntut untuk muhasabah diri. Keutamaan muhasabah diri ada disebutkan dalam Surah Al-Hasyr, ayat 18, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman yang mafhumnya :

*"Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap orang memerhatikan apa yang telah disediakannya untuk hari esok (hari akhirat) dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan".*

Melalui tafsir tersebut dapat difahami bahawa setiap manusia diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk selalu merenungi dan menilai setiap amal perbuatan yang telah dilakukannya. Sentiasalah melakukan perbuatan-perbuatan baik sebagai persiapan untuk menghadap Allah pada hari dihisabnya setiap amal perbuatan. Di samping itu, perlu juga diperhatikan sama ada perbuatan baik tersebut dilakukan dengan seikhlas hati dan menepati ajaran Islam atau sebaliknya kerana sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Teliti terhadap semua perbuatan hamba-Nya walaupun yang tersirat di hati.

Oleh itu, kita selaku umat Islam hendaklah menyedari akan segala amalan yang telah kita lakukan dengan melakukan muhasabah diri dan merenungi sama ada semua amalan yang dilaksanakan sesuai dengan ajaran Islam atau sebaliknya, di samping memperbaiki diri dari sebarang kelemahan dan kekurangan, meningkatkan amalan-amalan yang diperintahkan serta meninggalkan segala amalan-amalan negatif yang ditegah agama Islam. Allah Subhanahu Wata'ala telah menegaskan agar hamba-Nya sentiasa mengubah keadaan dirinya seperti mana firman-Nya dalam Surah Ar-Rad, ayat 11 yang mafhumnya :

*"Sesungguhnya Allah tidak mengubah (keadaan) apa yang ada pada suatu kaum sehingga mereka mengubah (keadaan) apa yang ada pada diri mereka sendiri".*

Muhasabah diri itu wajiblah dilakukan dan hendaklah tetap berterusan dalam kalangan umat Islam pada setiap waktu dan kesempatan. Hendaklah kita sentiasa muhasabah diri dengan melakukan kebaikan-kebaikan terhadap diri sendiri. Begitu juga kita hendaklah muhasabah diri sendiri daripada segala maksiat, kemungkaran dan tegahan. Jika kita pernah melakukannya maka segeralah bertaubat, beristighfar dan melakukan amalan-amalan salih yang lain yang dapat menghapuskan dosa tersebut serta kembalilah kepada ketaatan.

Semoga kita akan sentiasa berusaha untuk memperbaiki iman kita dan sentiasa melakukan perubahan untuk menjadi seorang Muslim yang lebih baik. Teruskanlah muhasabah diri dalam kehidupan seharian agar menjadi hamba yang taat kepada suruhan Allah Subhanahu Wata'ala dan begitu juga menjadi seorang yang lebih bijak dalam menghargai masa dengan perkara-perkara berfaedah.

# INCUFEST 2024 : PELUANG MENONJOLKAN KREATIVITI PELAJAR INKUBASI UBD




**PENGARAH di Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Allen On Hsien Yung hadir selaku tetamu kehormat pada Festival Inkubasi UBD (INCUFEST 2024) (atas dan kanan).**

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Suzani Adina Haji Marzoki**

**TUNGKU LINK,** Isnin, 4 November. - Pejabat Penglibatan Industri dan Pembangunan Perusahaan (Industry Engagement and Enterprise Development - IEED) di Universiti Brunei Darussalam (UBD) pagi tadi merasmikan Festival Inkubasi UBD (INCUFEST 2024) yang diadakan selama empat hari bertempat di Student Centre, UBD, di sini.

INCUFEST 2024 yang bertemakan 'Sebuah Perayaan Idea dan Inovasi' berkenaan mempamerkan sebanyak 45 barisan projek yang dibangunkan oleh pelajar inkubasi UBD, pelajar tahun akhir dari School of Digital Science dan penyelidik.

Hadir selaku tetamu kehormat pada festival berkenaan, Pengarah di Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Allen On Hsien Yung.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Penolong Naib Canselor (Penglibatan Industri dan Pembangunan Perusahaan), Dr. Haji Masairol bin Haji Masri.

Dr. Haji Masairol dalam ucapannya menekankan mengenai kepentingan inovasi dalam membentuk masa depan Negara Brunei Darussalam (NBD).

"Di UBD, kami komited untuk memupuk semangat keusahawanan yang selaras dengan matlamat negara.

"Festival ini bukan sahaja menonjolkan kreativiti para pelajar bahkan juga memupuk kerjasama yang penting dengan pihak kepentingan industri," tambahnya lagi.

Acara diteruskan dengan tayangan video klip pendek mengenai INCUFEST 2024 dan tetamu kehormat dijemput untuk menyaksikan reruai pada festival berkenaan.

INCUFEST 2024 menampilkan projek-projek terbaharu yang menangani sektor-sektor utama seperti pelancongan, pengurusan rantaian bekalan, keselamatan siber dan kajian alam sekitar.

Antara inovasi yang diketengahkan termasuklah aplikasi Go Travel, Hyper Chain, dan Smart Fresh, yang semuanya bertujuan menyumbang kepada usaha mempelbagaikan ekonomi NBD.

Festival berkenaan juga meraikan kejayaan pelajar inkubasi UBD, dengan enam projek terpilih sebagai finalis untuk Pertandingan Reach Pitch Day yang mempamerkan impak praktikal inisiatif keusahawanan mereka.

Sebagai ahli Babson Collaborative for Entrepreneurship Education, UBD terus memperkuat kedudukannya sebagai program keusahawanan terkemuka di rantau ASEAN, selaras dengan piawaian dan amalan terbaik antarabangsa.

INCUFEST 2024 telah menetapkan standard baharu untuk festival inovasi dan pihak IEED seterusnya berharap untuk membina kejayaan berkenaan dalam acara-acara yang akan datang.



# ACMF wujudkan pasaran modal berdaya tahan

**Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank**

Program Sua Muka turut diisikan dengan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan yang antara lain berkaitan dengan keselamatan, kebajikan, alam sekitar, ekonomi, prasarana dan kemudahan awam di kampung-kampung berkenaan.

# KOTIBA ADAKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-40



KOPERASI Persatuan TIBA (KOTIBA) semasa menganjurkan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-40 yang berlangsung di Dewan Teater, Kementerian Kewangan dan Ekonomi baru-baru ini.

**Siaran Akhbar dan Foto : Koperasi Persatuan TIBA**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 4 November. - Koperasi Persatuan TIBA (KOTIBA) telah menganjurkan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-40 di Dewan Teater, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, baru-baru ini.

Mesyuarat yang diadakan setahun sekali itu bertujuan untuk meneliti dan mengesahkan Minit Mesyuarat perhimpunan yang lepas serta membentangkan Laporan dan Penyata Kewangan bagi Tahun 2023-2024.

Hadir pada majlis tersebut ialah Ahli-ahli Lembaga Koperasi (ALK), Pemegang-pemegang Saham, Pekerja-pekerja Stesen Minyak KOTIBA dan Pegawai-pegawai Unit Pembangunan Koperasi (UPK), Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pengerusi Jawatankuasa Kecil Kebajikan dan Keagamaan KOTIBA, Awang Haji Abdullah bin Lakim diikuti ucapan pembukaan oleh Pengerusi Ahli Lembaga Koperasi KOTIBA Mesyuarat Agung Ke-40, Awang Haji Matassan bin Haji Bungso.

Acara diteruskan dengan acara utama bermula dengan meneliti dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Ke-39 dan diikuti dengan pembentangan meneliti Minit Mesyuarat oleh Setiausaha.

Mesyuarat tersebut juga menyaksikan pembubaran Jawatankuasa Ahli-Ahli Lembaga Koperasi Sesi 2023-2024 dan pelantikan Ahli-ahli Lembaga Koperasi Baharu bagi Sesi 2024-2025.

Majlis ditutup dengan ucapan ringkas daripada Pengerusi Interim selaku wakil ALK baharu dan bacaan Surah Al-Ashr secara beramai-ramai.




# Operasi Kabat berkas pesalah imigresen

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 5 November. - Dua pendakwaan telah dijalankan di bawah Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu merupakan hasil daripada Operasi Kabat 123/2024.

Dwi Puji Wijayanti, seorang perempuan berumur 40 tahun dan Emiliya, seorang perempuan berumur 56 tahun telah pun dijatuhkan hukuman penjara selama tiga bulan dan hukuman denda sebanyak BND1,000 sebagai gantian kepada hukuman sebat bagi kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa setelah Pas Imigresennya mansuh.

Walau bagaimanapun, kedua-dua individu berkenaan telah pun gagal membayar jumlah gantian kepada sebatan tersebut dan menjadikan hukuman penjara mereka kepada empat bulan bermula dari hari pertama mereka direman pada 31 Oktober 2024.

Pendakwaan dibuat di hadapan Majistret, Nur Eleyana binti Dato Paduka Haji Hairol Arni dan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Hadiyatul Majeedah binti Awang Usin.

Operasi Kabat JIPK 2024 terus giat dilaksanakan oleh JIPK dalam membendung pesalah-pesalah imigresen di Negara Brunei Darussalam.

Dalam pada itu, Bahagian Penguatkuasa Undang-undang Bandar Seri Begawan telah mengadakan Operasi Kabat 122/2024 dengan menumpukan sasaran lokasi di gedung perniagaan di Mukim Sengkurong dan Mukim Kilanas.

Pemeriksaan dijalankan ke atas sembilan orang warganegara asing yang mana empat orang daripadanya kemudian ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut.

Dua orang warganegara asing tersebut dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja bukan dengan majikan asal dan seorang daripadanya juga disyaki melakukan kesalahan Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresennya mansuh.

Manakala itu, dua lagi daripada mereka dipercayai melakukan kesalahan Peraturan 9(4), Akta Imigresen iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan.

Sementara itu, menerusi Operasi Kabat 123/2024 yang dijalankan di rumah dan bilik-bilik sewa pekerja asing di Mukim Pengkalan Batu dan Mukim Sengkurong, mendapati 13 orang daripada 23 orang warganegara asing yang diperiksa telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut.

Lapan orang daripada warganegara asing tersebut gagal mengemukakan dokumen asal yang mana seorang daripadanya juga dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja bukan dengan majikan asal.

Manakala itu, lima warganegara asing tersebut juga turut ditahan di bawah kesalahan 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresennya mansuh.

Bagi sebarang maklumat berhubung dengan pesalah Imigresen, JIPK mengalu-alukan orang ramai untuk menghubungi Talian Hotline JIPK melalui talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).



OPERASI Kabat 123/2024 yang dijalankan di rumah dan bilik-bilik sewa pekerja asing di Mukim Pengkalan Batu dan Mukim Sengkurong (atas dan bawah).



# BDCB memperkenalkan duit syiling edaran komposisi logam baharu

**Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 4 November. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) akan mengeluarkan duit syiling edaran dengan komposisi logam baharu.

Duit syiling berkenaan akan diperbuat daripada *mono-ply plated steel* berbanding dengan duit syiling edaran pada masa ini yang diperbuat daripada logam *homogenous* kupronikel.

Duit syiling baharu berkenaan merupakan besi yang disaluti dengan lapisan logam menggunakan teknologi salutan (*plating*) yang akan memastikan kedayatahanan, kekukuhan dan keselamatan duit syiling berkenaan.

Saiz, berat dan reka bentuk bagi duit syiling baharu berkenaan adalah sama seperti duit syiling yang dalam edaran sekarang. Kesemua edisi duit syiling edaran dari sebelum ini adalah masih sah diperlakukan dan boleh terus digunakan bersama duit syiling yang baharu.

Sebagai pengeluar mata wang Negara Brunei Darussalam, BDCB akan sentiasa memastikan mata wang dan duit syiling dalam edaran adalah berkualiti tinggi, berdaya tahan, kukuh serta selamat dari segi ciri-ciri keselamatannya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang BDCB di *www.bdcb.gov.bn* atau ikuti akaun Instagram BDCB, *@centralbank.brunei*.

# KONGSI KEFAHAMAN SITUASI, PERKEMBANGAN PGGMB

**Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 4 November. - Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) hari ini mengadakan sesi taklimat yang dihadiri lebih kurang 50 orang guru membincangkan mengenai perkembangan terkini yang disampaikan oleh Setiausaha Agung PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri yang diadakan di Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja.

Beliau telah menerangkan secara terperinci mengenai dengan sejarah penubuhan PGGMB, pengurusan dan pentadbiran PGGMB, kemajuan PGGMB, syarat-syarat keahlian, faedah-faedah menjadi ahli dan mempelawa guru-guru menjadi Ahli PGGMB sebagai generasi penyambung *survival* dan kelangsungan PGGMB pada masa akan datang.

Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Abdul Alim bin Haji Awang Othman juga berpeluang menjawab beberapa soalan dan kemusykilan daripada guru-guru yang hadir dalam sesi taklimat berkenaan.

Antara tujuan taklimat ini diadakan ialah untuk menarik minat para guru untuk menjadi ahli persekutuan, memberikan kefahaman mengenai situasi dan perkembangan PGGMB masa kini dan mencari bakal-bakal pemimpin pelapis siapa yang akan menerajui pucuk kepimpinan PGGMB ini.

Turut hadir, Pengetua Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Awang Haji Malai Shah Eran bin Syed Haji Yussof Al-Idrus; Setiausaha Kewangan PGGMB, Awang Haji Juned bin Haji Ramli; Timbalan Setiausaha Agung (Luar Negeri PGGMB), Awang Haji Yahya bin Haji Mirasan dan guru-guru kanan sekolah.



**PERSEKUTUAN Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) mengadakan sesi taklimat yang dihadiri lebih kurang 50 orang guru.**

# Bantu tingkatkan bekalan darah

**Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 4 November. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal akan mengadakan Kempen-kempen Derma Darah pada Selasa dan Rabu, 5 dan 6 November 2024, bermula jam 9.00 pagi hingga 3.00 petang, bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas sempena Pesta Buku Brunei 2024.

Manakala pada Jumaat, 8 November 2024, bermula jam 8.30 pagi hingga 11.00 pagi bertempat di Masjid Kampung Bengkurong. Sementara pada Sabtu, 9 November 2024, bermula jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang bertempat di Autocare Hub, Jalan Gadong.

Sehubungan dengan itu, orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen berkenaan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula jam 8.00 hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 4.00 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.








Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

# Nasi Goreng Belutak

## Kampung Sengkurong

**BAHAN-BAHANNYA :**
1 mangkuk besar nasi
Belutak yang dipotong halus
1/2 sudu besar lada kisar
Sedikit kicap manis
1 biji bawang bombay dihiris halus
5 ulas bawang putih dihiris halus
Daun sup dipotong kasar
2 biji telur ayam
Garam secukupnya
Serbuk perasa secukupnya

**CARA MEMASAK :**
Sediakan kuali dan panaskan lalu masukkan minyak masak. Setelah panas, tumis bawang bombay, bawang putih sehingga naik bau. Masukkan lada kisar dan sedikit kicap manis. Kecilkan api dan masukkan belutak. Tumis sehingga belutak empuk. Masukkan dua biji telur ayam dan kacau. Masukkan secubit garam dan serbuk perasa. Setelah semuanya sebati masukkan nasi dan gaul. Akhir sekali masukkan daun sup dan lada padi yang dihiris. Kacau hingga rata dan sebati.



# Kursus Pengenalan Pendidikan Khas Bagi Guru-guru Ugama

**Oleh : Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei**
**Foto : Ihsan Kementerian Pendidikan**

KE arah mendukung pelaksanaan Sistem Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama Ke Dalam Sistem Pendidikan Umum, Pendidikan Khas tidak terkecuali diberikan perhatian. Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Khas (JPKhas) giat bekerjasama dengan pihak Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bagi mendukung pelaksanaan sistem berkenaan khususnya dalam bidang Pendidikan Khas.

Berikut adalah wawancara bersama Pegawai Pelajaran, JPKhas, Dayang Hajah Norazyyati@Hartini binti Haji Muhammad Taha dan Pegawai Pelajaran selaku Ketua Unit Sekolah Rendah, Bahagian Pengetahuan Ugama Islam - Islamic Religious Knowledge (IRK), JPI, KHEU, Awang Haji Saleh bin Haji Nasir. Kedua-duanya merupakan Jawatankuasa Komiti Kurikulum dan Penjadualan dan Jawatankuasa Kerja Pengintegrasian Pendidikan Khas.

Turut dimuatkan ialah wawancara bersama Ketua Guru Ugama, Dayang Hajah Rasmah binti Haji Buang dari Sekolah Rendah Rimba III.

**Wawancara bersama Pegawai Pelajaran, JPKhas, Dayang Hajah Norazyyati@Hartini binti Haji Muhammad Taha.**

**S : Seperti yang kita sedia maklum 1 November 2024 merupakan satu tahun pelaksanaan Sistem Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama Ke Dalam Sistem Pendidikan Umum, bolehkah Puan kongsikan usaha-usaha pihak Kementerian Pendidikan dan KHEU untuk membantu guru-guru ugama agar dapat menyampaikan sesi pengajaran yang berkualiti dan berkesan?**

J : Kementerian Pendidikan melalui JPKhas giat bekerjasama dengan pihak JPI, KHEU bagi mendukung pelaksanaan Sistem Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama Ke Dalam Sistem Pendidikan Umum.

Satu Ahli Jawatankuasa Pengintegrasian Pendidikan Khas terdiri daripada Pegawai-pegawai JPKhas dan JPI telah ditubuhkan pada Januari 2024 untuk membuat perancangan dalam tiga aspek utama iaitu penyediaan kurikulum khas, keperluan tenaga pengajar pendidik khas dan penyediaan sumber dan prasarana sesuai dengan keperluan. Salah satu inisiatif utama dalam tenaga pendidik ialah memberikan Kursus Pengenalan dalam Pendidikan Khas. Tujuannya adalah untuk meningkatkan kapasiti perkembangan Guru Pendidikan Khas, guru ugama dan / atau Guru Pendidikan Khas Ugama dalam menangani pelajar berkeperluan khas di samping membantu guru-guru agar dapat menyampaikan sesi pengajaran yang berkualiti dan berkesan.

**S : Apakah objektif utama Kursus Pengenalan Pendidikan Khas Bagi Guru-guru Ugama?**

J : Kursus Pengenalan Pendidikan Khas Bagi Guru-guru Ugama adalah anjuran kerjasama di antara pihak Kementerian Pendidikan melalui JPKhas dan KHEU melalui JPI.

Objektif Kursus Pengenalan Pendidikan Khas adalah bertujuan untuk :

• Memenuhi keperluan dan melengkapkan guru-guru ugama dengan pengetahuan dan kemahiran mengenai Pendidikan Khas khususnya untuk mengajar pelajar-pelajar berkeperluan khas untuk mengajarkan mata pelajaran Pendidikan Islam Khas yang mengikuti sesi Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama Ke Dalam Sistem Pendidikan Umum di sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta.

• Meningkatkan profesionalisme serta melengkapkan para guru ugama dengan perkembangan dan amalan terbaik yang terkini dalam meningkatkan konsep pendidikan inklusif di Negara Brunei Darussalam.

• Jumlah keperluan minima Guru Pendidikan Khas Ugama pada masa ini adalah seramai 150 orang guru iaitu 137 orang daripada sekolah kerajaan dan 13 orang daripada sekolah swasta. Kursus Singkat Pengenalan Pendidikan Khas telah diadakan sebanyak tiga fasa iaitu pada bulan Februari hingga September 2024. Alhamdulillah 100 peratus guru-guru ugama ini telah menghadiri kursus bagi memenuhi keperluan tersebut.

**S : Bagaimanakah JPKhas dan JPI memastikan kandungan kursus ini relevan dengan keperluan pengajaran semasa dan cabaran yang dihadapi oleh guru-guru ugama terutama sekali para pelajar berkeperluan khas?**

J : Pihak JPKhas dan JPI telah membuat penelitian dan perbincangan bersama mengenai maklum balas borang penilaian yang telah diisikan oleh guru-guru selepas mengikuti kursus. Tujuannya adalah untuk memastikan kandungan kursus yang diberikan adalah relevan dengan keperluan pengajaran dan cabaran yang dihadapi oleh guru-guru ugama dalam menangani pelajar berkeperluan khas menambah baik perancangan sesi kursus fasa seterusnya.

Para penyampai kursus juga terdiri daripada pegawai-pegawai JPKhas yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang pengkhususan Pendidikan Khas serta memastikan amalan-amalan terbaik yang terkini telah dikongsikan semasa kursus.

**Wawancara bersama Pegawai Pelajaran selaku Ketua Unit Sekolah Rendah, Bahagian Pengetahuan Ugama Islam - Islamic Religious Knowledge (IRK), JPI, KHEU, Awang Haji Saleh bin Haji Nasir.**

**S : Apakah bentuk sokongan susulan atau latihan tambahan yang disediakan bagi guru-guru ugama selepas menghadiri kursus ini untuk memastikan impak berterusan dalam pengajaran mereka?**

J : Selain memberikan Kursus Singkat Pengenalan Pendidikan Khas, antara inisiatif jawatankuasa kerja melalui sub-komiti kurikulum dan penjadualan bersama kerjasama pakar daripada Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) telah menyediakan Buku Kurikulum Pendidikan Khas Ugama. Salah satu matlamat buku ini adalah untuk memastikan potensi pelajar dapat dikembangkan secara holistik, seimbang dan bersepadu sesuai dengan tahap kefungsian mereka. Buku ini mengandungi komponen kemahiran asas yang perlu diajarkan iaitu Kemahiran Asas Al-Quran, Kemahiran Asas Amali, Kemahiran Asas Ibadat dan Kemahiran Asas Jawi dan Pentaksiran dalam bilik darjah. Buku kurikulum ini dijadikan sebagai panduan untuk Guru-guru Pendidikan Khas Ugama yang berada di sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta dan telah digunakan secara interim (sementara) bermula pada penggal persekolahan kedua bulan Ogos.

Jalinan kolaborasi dan kolaboratif yang efektif di antara Guru Pendidikan Khas / Special Education Needs Teacher bersama Guru-guru Pendidikan Khas Ugama juga merupakan pemacu utama dalam membimbing pelajar seperti bertukar pendapat tentang strategi pengajaran dan pembelajaran, teknik / cara menangani pelajar dalam bilik darjah dan sebagainya.

Lawatan pemantauan dan bimbingan dari unit / bahagian berkenaan juga terus diadakan dari semasa ke semasa terutama bagi guru-guru yang memerlukan bimbingan dan sokongan tambahan selepas kursus berjalan.

**Wawancara bersama Ketua Guru Ugama, Dayang Hajah Rasmah binti Haji Buang dari Sekolah Rendah Rimba III.**

**S : Bagaimanakah kursus ini membantu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan Cikgu dalam Pendidikan Khas?**

J : Kursus ini dapat membantu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan saya dalam Pendidikan Khas dengan menyediakan teknik pengajaran terkini yang disesuaikan dengan keperluan murid-murid berkeperluan khas. Melalui kursus ini, saya akan didedahkan kepada strategi intervensi yang berkesan, teknik pengurusan kelas yang lebih inklusif serta cara menggunakan bahan bantu mengajar yang lebih sesuai dengan tahap kemampuan murid. Kursus ini juga membolehkan saya memahami dengan lebih mendalam aspek-aspek perkembangan kanak-kanak, penilaian keperluan murid dan kaedah-kaedah untuk menyokong perkembangan sosial-emosi mereka.

**S: Apakah perubahan positif yang Cikgu rasakan selepas mengikuti kursus-kursus yang dianjurkan oleh JPKhas dan JPI ini?**

Selepas mengikuti kursus-kursus yang dianjurkan oleh JPKhas dan JPI, saya mungkin merasakan beberapa perubahan positif seperti peningkatan keyakinan dalam mengajar murid berkeperluan khas serta keupayaan untuk menyusun dan melaksanakan pelan pembelajaran yang lebih efektif.

Kursus-kursus ini membantu saya untuk lebih peka terhadap pelbagai strategi intervensi, yang dapat disesuaikan dengan keunikan setiap murid. Selain itu, saya juga mungkin mendapati kemahiran komunikasi dan pengurusan kelas semakin mantap, serta mampu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih inklusif dan kondusif bagi menyokong perkembangan holistik murid.






# Tamu Selera berpotensi sebagai destinasi pelancongan negara

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Ihsan Tamu Selera**

RATA-rata masyarakat di negara ini pastinya sudah sinonim dengan kehadiran pasar malam. Bukan itu sahaja, kehadiran pasar malam antara tempat atau destinasi yang setiap hari dikunjungi oleh orang ramai terutama sekali selepas waktu bekerja atau di hari-hari lapang. Di sinilah para pembeli akan membuat pilihan daripada segi makanan mengikut selera masing-masing.

Di Negara Brunei Darussalam, antara pasar malam yang juga menjadi daya tarikan bagi orang ramai berkunjung ialah Brunei Darussalam Tamu Selera yang terletak di tengah-tengah ibu negara, Bandar Seri Begawan. Ia biasanya diadakan pada waktu malam dan menawarkan pelbagai jenis makanan, minuman dan barangan.

Para pengunjung dapat menikmati suasana meriah dengan deretan gerai yang menjual pelbagai hidangan daripada makanan berupa jenis masakan tempatan hinggalah antarabangsa.

Daripada makanan ringan hingga hidangan berat, Tamu Selera yang beroperasi pada waktu malam menawarkan pilihan yang pelbagai untuk memenuhi selera semua pengunjung.

Selain makanan, pasar malam juga merupakan tempat untuk membeli barangan lain seperti pakaian, aksesori dan barang-barang kraf tangan.

Suasana yang meriah dan kesibukan para penjual serta pelanggan menjadikan ia sebagai tempat yang menarik untuk dikunjungi bersama keluarga dan rakan-rakan juga para pelancong dari luar negara.

Tamu Selera bukan sahaja menjadi lokasi untuk menjamu selera tetapi juga sebagai platform untuk usahawan kecil mempromosikan produk mereka.

Dengan harga yang berpatutan dan pilihan yang pelbagai, Tamu Selera menjadi satu tarikan utama bagi mereka yang ingin menikmati pengalaman makan malam sambil bersantai bersama keluarga ataupun bersama rakan-rakan.

Mengenai dengan Tamu Selera ini pula, ia adalah salah satu medan selera terbuka yang tertua di negara ini dengan mempunyai pelbagai gerai makanan yang menawarkan hidangan tempatan dan serantau yang beroperasi sekitar jam 5.00 petang hingga tengah malam pada setiap hari.

Dalam satu temu bual bersama Pengerusi Persatuan Gerai Tamu Selera, Awang Mohammad Nooremy bin Haji Metusin, Tamu Selera mula beroperasi di tapak yang sama sehingga ke hari ini pada Ogos 1998.

Katanya, tamu tersebut mempunyai sebanyak 39 tapak gerai tetapi hanya 13 gerai sahaja yang aktif pada masa ini.

"Kebanyakan para pemilik gerai yang bertahan hingga ke hari ini adalah merupakan peniaga-peniaga pasar malam yang awalnya terletak di belakang Tokong Cina Teng Yun yang mana pada masa ini menjadi tapak Bangunan Persatuan PGGMB. Kemudian para peniaga ini berpindah ke tapak Tamu Selera yang masih lagi kekal sehingga ke hari ini," jelasnya.

Menurut Awang Mohammad Nooremy, para peniaga yang bertahan sehingga ke hari ini juga adalah merupakan penyambung warisan keluarga dan ibu bapa yang sudah meninggal dunia demi meneruskan legasi agar tidak ditelan zaman hingga kini.

Tambahnya, ini adalah disebabkan oleh menu-menu makanan yang menjadi *trademark* kepada sesebuah gerai itu kerana setiap gerai mempunyai pelanggan tetap masing-masing yang juga dikunjungi oleh ahli keluarga mereka seperti anak-anak dan cucu-cucu mereka secara turun-temurun.

Suasana Tamu Selera perlahan-lahan dinaik taraf oleh para peniaga sendiri tegasnya, untuk keselesaan para pengunjung seperti tempat duduk yang terlindung daripada panas dan hujan; kawasan tempat letak kereta yang mencukupi; dan tong-tong sampah yang turut disediakan oleh Jabatan Bandaran.

Namun, tandas awam mungkin agak sedikit jauh katanya kerana sesiapa yang ingin menggunakan tandas perlu berjalan ke tandas awam di tempat kawasan letak kereta berhadapan dengan Muzium Alat Kebesaran Diraja yang mana ia agak sedikit bahaya terutama sekali bagi kanak-kanak kerana mesti menyeberangi jalan raya.

"Kami juga mengutamakan kebersihan kawasan Tamu Selera agar sentiasa dilihat selesa dan nyaman oleh mata para pengunjung terutama sekali para pelancong yang datang dari luar negara," tambahnya.

Demi untuk mengekalkan satu-satunya tempat beriadah sambil menikmati makan malam di Tamu Selera ini, beliau juga berharap pihak-pihak yang bersangkutan agar dapat memberikan dorongan dan sokongan khususnya daripada pihak kerajaan berupa bantuan dan bimbingan agar peniaga-peniaga di Tamu Selera akan lebih maju ke hadapan bukan hanya semata-mata untuk pendapatan para peniaga sendiri tetapi juga bagi membantu memajukan ekonomi negara ini sendiri sekali gus mengekalkan Tamu Selera ini sebagai salah satu destinasi pelancongan negara.

Baru-baru ini, Persatuan Gerai Tamu Selera juga telah mengadakan acara 1K1P Bersama Daerah Tutong buat pertama kalinya sejak para peniaga di Tamu Selera mula bertapak di sana.

Melalui acara sedemikian, ia dapat memeriahkan lagi Bandar Seri Begawan khususnya di Tamu Selera ini yang kini kelihatannya semakin merudum dan kurang mendapat sambutan orang ramai terutamanya di kalangan para belia.

Sebanyak 13 buah MPK dari Daerah Tutong menyertai acara tersebut yang mana antara aktiviti yang telah diadakan berupa jualan makanan asli, kuih-muih tradisional, buah-buahan, anyaman dan kraf tangan, seni ukiran, dastar warisan, madu kelulut dan termasuk juga Persembahan Gulintangan serta tarian dan muzik tradisi kebudayaan dari Daerah Tutong.

Bagi diri saya sendiri pula, setelah mengunjungi Tamu Selera ini, berpendapat bahawa Tamu Selera ini sememangnya mempunyai potensi yang besar dijadikan sebagai salah satu pusat atau destinasi pelancongan dari dalam bahkan juga dari kunjungan para pelancongan luar negara jika ia dapat dibaik pulih dan diperindahkan lagi memandangkan tempat ini juga tidak berjauhan dari hotel-hotel penginapan dan juga Muzium Alat Kebesaran Diraja yang menjadi tempat kunjungan para pelancong. Di sini juga para peniaga dapat mempromosikan masakan ala-ala tempatan dan luar negara untuk orang ramai menikmatinya dan juga para pelancong yang berkunjung ke sini untuk sama-sama menikmati masakan yang ada seperti Ayam Penyet, makanan laut, sayap ayam salai dan banyak lagi selain menjual barangan seperti kasut, beg, permainan dan lain-lain.

Bahkan suasana yang mesra dan layanan yang ramah menjadikan pengalaman makan *biskita* menjadi lebih istimewa dan santai.

Bagi mereka yang mencari suasana yang lebih relaks, ini adalah tempat yang ideal untuk menikmati makanan sambil merasai suasana malam di Bandar Seri Begawan kerana sudah pasti banyak pilihan menanti untuk memuaskan selera para pengunjung.



# TARIK MINAT GOLONGAN KANAK-KANAK ASAS PERSEJARAHAN NEGARA



PUSAT Sejarah Brunei mengadakan Aktiviti Peraduan Mari Mewarna Sejarah semasa Pesta Buku Brunei 2024, baru-baru ini di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas (atas dan kanan).

**BERAKAS**, Isnin, 4 November. - Pusat Sejarah Brunei (PSB) melalui Bahagian Penerbitan dan Pemasaran mengadakan Aktiviti Peraduan Mari Mewarna Sejarah semasa Pesta Buku Brunei 2024, baru-baru ini di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Seramai 50 peserta menyertai peraduan ini iaitu 25 peserta daripada Kategori 'A' berumur 5 hingga 12 tahun dan 25 peserta daripada Kategori 'B' berumur 13 hingga 17 tahun.

Peraduan ini diadakan sebagai usaha dalam mencapai salah satu objektif PSB iaitu mengembangluaskan pembudayaan dan penerapan sejarah dalam kalangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam khususnya melalui penerbitan bahan bacaan mengenai persejarahan negara.

Peraduan ini juga bertujuan untuk memperkenalkan salah sebuah buku terbaharu terbitan PSB yang dilancarkan semasa Majlis Perasmian Pesta Buku Brunei 2024 iaitu Buku Mewarna Sejarah 1.

Melalui peraduan ini, diharap dapat menarik minat orang ramai khususnya golongan kanak-kanak dan belia untuk mengetahui dan mempelajari asas persejarahan negara sebagai panduan masa kini dan masa depan, seterusnya, membuka minda mereka untuk meminati dan menghayati sejarah tanah air.

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Sejarah Brunei



# Jana Kapital tamatkan pengujian

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 4 November. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan bahawa Jana Kapital telah menamatkan ujian di dalam BDCB FinTech Regulatory Sandbox pada 10 Oktober 2024.

Ini adalah berikutan dengan perancangan syarikat berkenaan untuk menyelaraskan semula model perniagaannya yang tidak termasuk skop asal ujian dalam BDCB FinTech Regulatory Sandbox.

Jana Kapital mula menguji aktiviti platform Islamic *peer-to-peer* (P2P) *crowdfunding* di dalam BDCB FinTech Regulatory Sandbox pada 5 Ogos 2019.

Aktiviti berkenaan menawarkan sumber pembiayaan alternatif untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di samping menawarkan peluang pelaburan kepada orang ramai.

BDCB FinTech Regulatory Sandbox dilancarkan pada 27 Februari 2017 untuk memudahkan pembangunan teknologi kewangan ataupun FinTech di Negara Brunei Darussalam. Sandbox berkenaan memberi peluang kepada syarikat-syarikat FinTech yang berkelayakan untuk menguji produk dan perkhidmatan FinTech mereka dalam persekitaran pengawalseliaan yang fleksibel dalam tempoh masa dan parameter yang dipersetujui.

Jenis produk dan perkhidmatan FinTech yang boleh diuji melalui Sandbox berkenaan termasuk aktiviti - aktiviti perbankan, insurans dan takaful, pasaran modal atau produk dan perkhidmatan kewangan yang inovatif di bawah bidang kuasa pengawalseliaan BDCB yang berpotensi untuk memberi manfaat kepada pengguna kewangan.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai garis panduan FinTech Regulatory Sandbox, serta proses dan keperluan bagi pengujian, sila layari laman sesawang BDCB di *https://www.bdcb.gov.bn*.




ALAI PINTAR SOALAN 136

## SOALAN 6 NOVEMBER 2024, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. 40,103 - 1000 = _________.
   a) 39,103
   b) 40,000
   c) 30,103
2. Air tasik itu sungguh ________.
   a) tenang
   b) damai
   c) ceria
3. Antara berikut, haiwan manakah yang tinggal di darat?
   a) Kucing
   b) Ikan Tenggiri
   c) Kuda Laut

TARIKH TUTUP : 16 NOVEMBER 2024

## SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
   - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 8945310** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : ..........
Tarikh Lahir : ..........
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : ..........
Sekolah : ..........
Tahun : ..........
Alamat : ..........
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : ..........

## HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

**PEMENANG ALAI PINTAR 135 :**

Nama : Abdul Muzhaffar Haziq bin Abdul Hanis
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0134297-01. Sekolah : Kampong Tanah Jambu

Nama : Farisya Darwisya binti 'Abdul 'Aziz
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0120204-01 (SB). Sekolah : Sekolah Rendah Rimba II

Nama :Ak. Mohd. Harraz Naufal bin Pg. Mohd. Hamdi
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0141646-01. Sekolah : Sekolah Rendah Rimba III

**JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 135**

1. C – 200,000
2. C – Sultan Ahmad
3. B – Mem

PELITA BRUNEI




# KEJOHANAN BADMINTON GALAKKAN GAYA HIDUP SIHAT



**PENYAMPAIAN hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh tetamu kehormat iaitu Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara serta Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (kiri sekali dan kiri).**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung Lumapas 'B'**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 5 November. - Kejohanan Badminton anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lumapas 'B' menyaksikan Pasukan Amitie berjaya mengungguli bagi Kategori Lelaki Terbuka Bawah 35 Tahun sekali gus menempatkan Pasukan Peradian's tempat kedua dan ketiga berpihak kepada Antisocial Team.

Sementara juara Kategori Wanita Bawah 35 Tahun dimenangi oleh Pasukan Unity, naib juara kepada DX Official Women dan Pasukan Amitie tempat ketiga.

Kategori Lelaki Terbuka 36-49 Tahun seterusnya menyaksikan kemenangan buat Pasukan DX Official tempat pertama diikuti Pasukan Supersmash dan Victor tempat kedua dan ketiga.

Kejohanan berlangsung di Dewan Kompleks Sukan Sungai Kebun itu juga mempertaruhkan Kategori Lelaki Veteran Campuran Umur 110 Tahun yang didominasi oleh Pasukan TN Harmoni sebagai juara diikuti naib juara dari BVBC dan Pasukan Miracle memenangi tempat ketiga.

Pasukan Let's Fight pula berjaya sebagai juara bagi Kategori Wanita Veteran Campuran Umur 100 Tahun diikuti Pasukan Hamisah dan Haslina pemenang kedua dan ketiga dimenangi oleh Team Luntau.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh tetamu kehormat iaitu Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong yang juga selaku Ketua Kampung Lumapas 'B'. Hadir sama, Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin selaku Penghulu Mukim Lumapas.

Juara setiap kategori membawa pulang wang tunai BND200, medal serta barangan sukan sementara naib juara dan pemenang ketiga, masing-masing menerima wang tunai BND150 dan BND100 berserta medal dan juga peralatan sukan.

Kejohanan tersebut adalah satu acara yang dianjurkan oleh Biro Sukan MPK Lumapas 'B' untuk menggalakkan gaya hidup sihat dan mengeratkan hubungan silaturahim antara peserta.

Objektifnya pula adalah bagi menjalinkan ikatan silaturahim antara pihak penganjur, ahli jawatankuasa dengan para pasukan yang mengikut perlawanan dengan mematuhi peraturan perlawanan, sejahtera, ceria dan selamat.

# Street United FC menang bergaya

**Berita dan Foto : Ihsan Brunei Premier Futsal League 2024/25**

**TUNGKU**, Selasa, 5 November. - Street United FC membuka tirai persaingan Brunei Premier Futsal League 2024/25 (BPFL) dengan penuh bergaya selepas mencatat kemenangan 6 - 0 ke atas FC Phosphor dalam aksi perlawanan yang diadakan di Dewan Serbaguna Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Sekalipun FC Phosphor memberikan saingan yang menarik di awal perlawanan, pemain pantas, Zulaezmi Suhady bijak menggunakan ruang terbuka untuk mencipta jaringan awal Street United FC pada minit ke-7 sebelum Pudin Marji menambah tekanan kepada pasukan lawan menerusi dua jaringan pada minit ke-14 dan ke-17.

Ketinggalan dalam babak pertama, FC Phosphor berusaha mengubah rentak perlawanan namun ancaman serangan skuad muda itu gagal menemui sentuhan jaringan.

Sebaliknya, Street United FC kembali berpesta dengan jaringan Eddy Shahrol pada minit ke-23 dan Aldy Omar menambah derita pasukan lawan pada minit ke-31.

Sementara itu, ledakan kencang Setiawan Dimas pada minit ke-35 melengkapkan misi berjaya Street United FC dengan kemenangan muktamad 6 - 0.

"Pemain-pemain berjaya menggunakan setiap kesempatan untuk membolosi gawang lawan. Mereka juga bijak membaca gerakan lawan dan menutup ruang di bahagian pertahanan untuk menyukarkan penyerang Pasukan FC Phosphor melakukan jaringan," jelas Ketua Jurulatih Street United FC, Yus Yusof.

Katanya, kemenangan besar ini merupakan momentum yang sangat penting kepada Street United FC sebagai suntikan semangat untuk perlawanan seterusnya.

Dalam masa yang sama, beliau menyarankan agar pemain-pemainnya tidak terlalu leka dengan pencapaian sulung itu, malah perlu berusaha lebih gigih lagi untuk memantapkan pasukan.

Sementara itu, Pengurus Kelab FC Phosphor, Awangku Md. Abu Tahlib Pengiran Haji Idris, akur dan mengambil iktibar daripada kekalahan besar itu.

"Pemain-pemain telah berjaya melakukan *tasks* yang diberikan namun mereka gagal membuat penyudahan yang berkesan sekalipun mempunyai deretan peluang di depan gawang lawan. Kami akan memperbaiki kelemahan-kelemahan ini dan akan bangkit kembali pada perlawanan kedua nanti," ujarnya.



**ANTARA aksi perlawanan di antara Street United FC menentang FC Phosphor pada Brunei Premier Futsal League 2024/25 (BPFL) yang diadakan di Dewan Serbaguna Universiti Brunei Darussalam.**